

ANALISIS PENULISAN SKRIP DALAM FILEM  
ADAPTASI TERPILIH BERDASARKAN  
PENDEKATAN ESTETIKA BERSEPADU

AHMAD ADAM MUQRI BIN MOHAMAD

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN 2022



FYP FTIKW

**ANALISIS PENULISAN SKRIP DALAM FILEM  
ADAPTASI TERPILIH BERDASARKAN  
PENDEKATAN ESTETIKA BERSEPADU**

AHMAD ADAM MUQRI BIN  
MOHAMAD  
C18A0008

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FEBRUARI 2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

*Adam*

Tandatangan

*Sudirman Kiffli*

Tandatangan

No. Kad Pengenalan: 991103066855

Tarikh: 28/2/2022

Nama Penyelia

Tarikh: 2 Mac 2022

SUDIRMAN KIFFLI  
Penyelia  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Segala puji bagi bagi Allah s.w.t yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya penyelidikan dan tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Sekalung budi atas jasa bakti Encik Sudirman Bin Kiffl, penyelia tesis utama saya, serta Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob atas kesabaran memberi tunjuk ajar serta bimbingan kepada pengkaji.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Pengajian Warisan dan Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberikan pelbagai kemudahan kepada pengkaji semasa penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada kedua ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak henti-henti memberikan sokongan dan dorongan kepada pengkaji untuk menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidikan ini. Tanpa kerjasama dan sokongan anda semua, penyelidikan ini tidak akan menjadi kenyataan.

Sekian terima kasih,

Ahmad Adam Muqri Bin Mohamad

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2022/1443H

## ISI KANDUNGAN

Bil		Halaman
PENGHARGAAN		i
ISI KANDUNGAN		ii
ABSTRAK		vi
ABSTRACT		vii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Organisasi Kajian	6
1.8	Kesimpulan	8
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Penulisan Skrip	9
2.2	Adaptasi	12
2.3	Pengaruh Estetika Dalam Karya	15
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	17
3.2	Reka bentuk Kajian	17
3.2.1	Kaedah Kualitatif	24
3.2.2	Pengumpulan Data	24
3.3	Teori Estetika Bersepadu	19
3.3.1	Keindahan Luaran	20
3.3.2	Keindahan Dalaman	21
3.4	Kerangka Konsep	22
3.5	Kesimpulan	23

**BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	24
4.2	Nilai Estetika Dalam Habibie & Ainun	25
4.2.1	Gaya Bahasa	26
4.2.2	Cara Penyampaian	33
4.2.2.1	Cara Penyampaian Dalam Habibie & Ainun	34
4.2.2.2	Cara Penyampaian Dalam TKVDW	37
4.3	Hubungan Antara Skrip Dan Estetika	40
4.3.1	Analisis Filem Adaptasi TKVDW	43
4.3.2	Analisis Filem Adaptasi Habibie & Ainun	49
4.4	Kesimpulan	54

**BAB 5: RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

5.1	Pengenalan	55
5.2	Rumusan	55
5.3	Cadangan	56
5.4	Penutup	58

**BIBLIOGRAFI****RUJUKAN INTERNET**

59

63

**SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1: Kerangka Konsep	22
Rajah 2: Model Pembuatan Drama/Filem Moden Ummi Hani Abu Hassan	40

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 1: Metafora ( <i>Habibie &amp; Ainun</i> )	27
Jadual 2: Metafora ( <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i> )	28
Jadual 3: Ironi ( <i>Habibie &amp; Ainun</i> )	29
Jadual 4: Ironi ( <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i> )	30
Jadual 5: Simile ( <i>Habibie &amp; Ainun</i> )	31
Jadual 6: Simile ( <i>Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck</i> )	31
Jadual 7: Hiperbola ( <i>Habibie &amp; Ainun</i> )	32

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ANALISIS PENULISAN SKRIP DALAM FILEM ADAPTASI TERPILIH BERDASARKAN PENDEKATAN ESTETIKA BERSEPADU TERPILIH

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai unsur estetika yang terdapat dalam filem adaptasi yang terpilih. Filem adaptasi yang terpilih adalah filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun*. Filem tersebut dipilih berdasarkan kandungan-kandungan filem tersebut yang mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi seperti penggunaan bahasa yang indah, tutur kata yang sempurna dan cara penyampaian yang berkualiti. Filem adaptasi tersebut berjaya dikupas satu persatu untuk dianalisis dari sudut estetikanya. Teori yang digunakan untuk diaplikasikan dalam kajian ini adalah Teori Estetika Bersepadu yang digagaskan oleh Professor Madya Dr Abdul Halim Ali. Teori tersebut berjaya dianalisis dengan baik di samping menganalisis skrip yang menjadi teras bagi kajian ini. Skrip yang dianalisis berdasarkan Teori Estetika Bersepadu tersebut berjaya dikenalpasti unsur-unsur estetikanya untuk mencapai objektif bagi kajian ini. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif ini menggunakan maklumat-maklumat ataupun data-data daripada filem adaptasi, skrip, bahan-bahan ilmiah dan sebagainya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya unsur estetika bagi sebuah filem yang bagus.

**Kata Kunci:** filem adaptasi, estetika, skrip, Teori Estetika Bersepadu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ANALYSIS OF SCRIPTWRITING IN CHOSEN ADAPTATION FILM BASED ON INTEGRATED AESTHETIC THEORY

### ABSTRACT

*This paper is discussed the element aesthetic in chosen adaptation film. The chosen adaptation films are Habibie & Ainun and Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. The films are chosen based on the contents in the adaptation film that contain high in value of aesthetics such as the use of beautiful language, perfect use of the word, and the quality of the delivery method. The analysis of film adaptation is successful from an aesthetic point of view. The theory that had been used in this research is Integrated Aesthetic Theory from Professor Madya Dr. Abdul Halim Ali. The theory had been analyzed one by one as well as an analyzed script that is the core of this research. The script that had been analyzed based on Integrated Aesthetic Theory and identified the elements of aesthetics to fulfill the objectives of the research. This research is using the information and datas from adaptation films, scripts, academic papers, etc. The result of this research shows the importance of aesthetics in a good adaptation film.*

*Key Words:* adaptation film, aesthetic, script, Integrated Aesthetic Theory

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Bab 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Secara keseluruhannya, bab ini merangkumi pengenalan yang perlu diketahui bagi memahami konsep kajian ini. Bab ini terdiri daripada pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, kepentingan kajian, skop kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

#### 1.1 LATAR BELAKANG

Filem adaptasi di Malaysia muncul pada lewat 1950-an. Sebelumnya, filem telah muncul di Malaysia seawal abad ke-20 lagi. Pada tahun 1898, filem pertama telah ditayangkan di Kuala Lumpur. Filem yang dimaksudkan adalah tentang sambutan Jubli Intan Permaisuri Victoria I. Pada tahun 1902 telah dicatatkan dalam sejarah dunia perfileman Malaysia bahawa iklan mengenai penjualan tiket bagi tayangan filem atau lebih dikenali sebagai wayang gambar ketika itu. Menerusi akhbar *The Daily Mail*, harga tiket bagi tayangan filem pada waktu tersebut adalah berbeza mengikut kasta iaitu \$1 bagi orang Eropah dan Cina manakala 25 sen bagi orang Melayu dan kanak-kanak. Tayangan filem atau wayang gambar pada ketika itu berkisarkan tentang perang atau kisah sehari-hari dalam bentuk filem pendek. Selepas itu, filem-filem ‘bisu’ lakonan Charlie Chaplin mula ditayangkan di Malaysia. Kesemua tayangan filem pada ketika itu adalah daripada luar negara. Permulaan pembikinan filem Melayu dikatakan bermula pada tahun 1930-an dan filem melayu pertama adalah *Laila Majnun* (1933) yang diarahkan oleh B.S.Rajhans.

Filem adaptasi daripada novel pula mula muncul dalam arena perfileman di Malaysia adalah pada 1950-an di mana filem adaptasi novel yang pertama ialah Cinta Gadis Rimba (1958). Filem tersebut merupakan adaptasi daripada novel Cinta Gadis Rimba. Filem tersebut diterbitkan oleh syarikat studio Cathay-Keris dan diarahkan oleh L.Krishnan. Novel Cinta Gadis Rimba ditulis oleh nasionalis negara iaitu Harun Aminurrashid. Novel yang ditulis dalam tulisan jawi tersebut adalah berunsurkan cinta dalam kalangan masyarakat yang pada ketika itu agak asing untuk memasukkan unsur cinta dalam sebuah novel. Filem tersebut gagal didokumentasikan untuk dijadikan sebagai arkib kerana menurut orang dahulu filem tersebut hanyalah sebagai hiburan semata-mata sehingga menghiraukan nilai-nilai yang terdapat dalam filem tersebut. Dikatakan hanya pengarah filem tersebut iaitu L.Krishnan yang mempunyai salinan filem tersebut. Setelah filem adaptasi yang pertama diterbitkan maka bermulalah era filem adaptasi Malaysia.

Apa itu adaptasi?. Adaptasi merupakan suatu perkara yang tidak perlu diperkenalkan lagi dalam dunia industri kreatif. Adaptasi muncul dalam persembahan pentas (opera, teater) dan dalam pelbagai jenis bentuk media (filem, radio, permainan video). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, adaptasi bermaksud penyesuaian dengan kaedaan atau persekitaran yang berbeza (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 19). Dalam konteks ini, adaptasi merupakan satu proses peralihan daripada teks seperti novel ke dalam bentuk media seperti televisyen. Penyesuaian yang berlaku bergantung kepada pengkarya tersebut dalam memastikan setiap adaptasi tersebut bersesuaian dengan konteks yang dibawa.

Skrip yang menjadi perbincangan bagi kajian ini akan diceritakan serba sedikit di bahagian pengenalan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka skrip adalah satu cerita yang berbentuk tulisan yang disediakan oleh penulis skrip bagi sesebuah filem (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 4036). Skrip filem amatlah berbeza daripada puisi, novel atau cerpen. Bagi novel dan cerpen, penjelasan bagi sesebuah peristiwa yang berlaku adalah secara terperinci bagi sudut latar atau situasi. Manakala bagi skrip filem pula pembaca hanya diberikan gambaran umum atau deskripsi tentang tempat, situasi atau latar dan dialog yang menjadi peranan penting bagi menyampaikan pemikiran pengarang. Struktur utama bagi penulisan skrip filem adalah dijalankan oleh dialog. Sesebuah skrip filem yang baik mempunyai unsur-unsur seperti ketegangan, suspens yang membangkitkan perasaan ingin tahu pembaca atau penonton.

## 1.2 PENYATAAN MASALAH

Sebahagian besar pengeluar filem khususnya di Malaysia mengeluarkan filem-filem yang tidak mempunyai moral yang akan menghasut atau mempengaruhi generasi muda yang menontonnya. Namun filem yang mempunyai unsur tidak moral, jenayah dan gangster merupakan filem yang mendapat sambutan yang tinggi dan mendapat pulangan yang tinggi. Oleh itu, kebanyakan pengkarya lebih cenderung atau selesa dalam menghasilkan filem yang sedemikian. Walaupun ada filem yang bermoral, namun ia tidak setanding dengan sambutan yang diterima oleh filem yang tidak bermoral.

Perbincangan mengenai penulisan skrip perlulah diketahui bahawa ia adalah satu bentuk penulisan kreatif yang memerlukan daya pemikiran imaginasi yang tinggi supaya pembaca dapat apa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Pelbagai masalah yang ingin diatasi oleh pengkaji bagi kajian ini dan antaranya ialah di Malaysia, kelemahan jati diri yang ada dalam penulisan skripamatlah di paras yang tinggi. Kebanyakan penulisan skrip di Malaysia hanayalah meniru atau mengambil ilham daripada drama lain dan menerapkannya dalam penulisan skrip mereka. Kebanyakan penerbit filem hanyalah mahukan keuntungan semata-mata dengan menggunakan idea yang sudah menjadi kegemaran dan tidak menjadikan karya mereka lain daripada lain. Kesannya, karya yang dihasilkan oleh mereka tidak menerapkan elemen-elemen yang positif kepada masyarakat Malaysia.

Pada era 1970-an, kebanyakan penerbit tempatan ghairah dalam penghasilan karya yang mengambil pengaruh Hong Kong. Hal ini menyebabkan kebanyakan penulisan skrip yang digunakan pada ketika itu hanyalah penulis skrip suam-suam kuku yang hanya meniru dan tidak mempunyai jati diri untuk menjadikan karya mereka mempunyai kualiti yang mantap dari sudut jati diri negara sendiri. Namun semuanya telah berbeza pada masa kini yang mana terdapat banyak stesen televisyen tempatan memvariasikan penayangan-penayangan telemovie (filem yang ditayangkan di televisyen) yang berunsurkan tempatan seperti ketika hari perayaan di Malaysia antara telemovie yang dihasilkan adalah mengambil unsur-unsur perayaan seperti telemovie TV3 Syawal Yang Kuinginkan (perayaan Hari Raya-Islam).

Perkembangan filem tempatan semakin lama semakin berkembang dengan jati diri sendiriseiring dengan penghasilan skrip drama yang berkualiti.

Presiden Penulisan Skrip Malaysia (SWAM) Ismail Ahmad (2009) menyatakan bahawa penilaian beliau terhadap karya drama tempatan amatlah lemah dan tidak menekankan aspek bahasa sastera yang estetik. Rekod yang dikeluarkan oleh SWAM menyatakan bahawa penulisan skrip tempatan amatlah lemah dan tidak berkualiti. Hal ini menyebabkan karya tempatan sukar untuk menembusi pasaran antarabangsa. Hal yang berlaku di Malaysia kini amat sukar terjadi di luar negara seperti negara jiran kita iaitu Indonesia yang amat menekankan aspek penulisan skrip. Sebagai contoh, filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck amatlah menekan aspek penulisan skrip sehingga setiap tutur kata yang dilemparkan oleh pelakon amatlah memberikan kesan yang mendalam terhadap penonton walaupun filem tersebut adalah adaptasi daripada novel yang berjudul sama namun perincian yang dipaparkan dalam filem tersebut amatlah indah dari sudut bahasa sasteranya yang tersendiri dan mempunyai jati diri yang tebal.

Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Asiah Sarji menyatakan bahawa kebanyakan stesen televisyen tempatan hanya mahu mendapatkan ‘rating’ yang tinggi semata-mata sehingga menggunakan novel yang ringan dan menggunakan novel yang lemah dari sudut gaya bahasa, susun kata dan sebagainya untuk diadaptasi dalam bentuk media. Kebenaran yang didedahkan oleh Prof Dr Asiah Sarji adalah hasil daripada kajian kumpulan yang merupakan orang yang penting daripada industri tempatan. Beliau menambah sikap orang dalam industri yang hanya mahu memenuhi ‘kehendak’ penonton sehingga menghiraukan nilai-nilai yang pelu diketengahkandalam sesebuah karya.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

- 1) Apakah unsur-unsur estetika yang dapat dilihat dalam filem adaptasi terpilih.
- 2) Apakah hubungan di antara skrip dan teks novel dalam filem adaptasi.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi mencapai matlamat kajian ini ialah:

- 1) Mengenalpasi unsur-unsur estetika yang terdapat dalam filem adaptasi terpilih.
- 2) Menganalisis hubungan antara skrip dan teks novel dalam filem adaptasi.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian diharap dapat mengurangkan penulisan skrip yang tidak menepati nilai-nilai estetika yang perlu ada bagi sesebuah karya. Selain itu diharapkan juga bahawa wujudnya peningkatan dalam penulisan skrip yang berkualiti dan memenuhi setiap aspek yang menjadikan sebuah skrip sebagai suatu yang perlu dititikberatkan oleh pihak yang berkaitan. Kajian ini diharap juga mampu memberikan kesedaran kepada pembikin filem tempatan supaya meningkatkan kualiti berbanding hanya mengaut keuntungan semata-mata. Data-data yang diperolehi sedikit sebanyak mampu membantu penggiat-penggiat seni skrip tempatan seperti Penulisan Skrip Malaysia (SWAM), penulis-penulis skrip dan pelajar-pelajar dalam bidang yang berkaitan. Kajian ini juga diharap mampu menarik perhatian pihak kerajaan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan agensi-agensi yang berkaitan. Seterusnya kajian ini dijalankan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan membuka minda pengkaji dalam bidang penulisan skrip. Kajian ini juga dapat memberi sumber ilham dan rujukan kepada pengkaji akan datang. Adaptasi merupakan salah satu cabang industri kreatif yang berharga kerana telah banyak filem atau drama adaptasi yang berjaya dari pelbagai sudut tidak hanya di Malaysia namun di serata dunia. Namun, sesetengah pengkarya menjadikan adaptasi ini dipandang enteng oleh pelbagai pihak dek kerana kualiti yang dihasilkan amat lemah daripada pelbagai sudut seperti proses adaptasi yang lemah, plot yang tidak tersusun dan sebagainya. Hal ini menyebabkan betapa pentingnya kajian ini dilakukan bagi memberi kesedaran tentang penghasilan adaptasi yang berkualiti. Teori estetika yang menjadi perbincangan dalam kajian ini juga mampu membuka mata pelbagai pihak supaya setiap karya yang dihasilkan hendaklah mempunyai ‘standard’ atau memenuhi tahap estetika bagi memajukan lagi industri kreatif

tanah air. Kebanyakan pengkarya di Malaysia hanyalah mahu mengaut keuntungan semata-mata sehingga menghiraukan segala jenis pandangan atau kritikan yang menyebabkan mereka hanyut dan tidak dipedulikan. Hal ini menyebabkan kajian ini menjadi asbab atau pemula bagi membuka mata setiap pengkarya di industri ini. Walapun kajian ini menggunakan karya bukan daripada Malaysia namun dapatan kajian ini membolehkan ia dijadikan sebagai talian hayat bagi memastikan industri perfileman Malaysia yang melibatkan filem adaptasi terus berkembang dengan cemerlang seperti filem adaptasi negara luar.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini mengkhususkan untuk mengkaji filem adaptasi novel yang berpaksikan kepada dakwah yang tidak mengkhususkan asal negara filem tersebut diterbitkan. Walaupun kepentingan kajian ini adalah untuk memajukan skrip atau filem Malaysia, namun analisis perlu dijalankan tidak kira filem negara mana yang dikaji. Hasil kajian tersebut boleh dimanfaatkan oleh filem Malaysia. Kekurangan karya filem adaptasi yang berpaksikan kepada dakwah di Malaysia menyebabkan filem luar daripada negara Indonesia misalnya dijadikan sebagai karya yang dikaji. Walaupun kajian ini adalah secara umum dan tidak mengkhususkan mana-mana filem untuk dijadikan sebagai teras bagi kajian ini namun dinyatakan juga beberapa filem untuk mencapai objektif kajian. Filem adaptasi novel seperti *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun* dijadikan sebagai rujukan bagi mencapai objektif kajian.

## 1.7 ORGANISASI KAJIAN

### Bab Satu

Pada bab ini diperkenalkan serba sedikit mengenai apa yang dimaksudkan dengan skrip, adaptasi dan filem. Kesemua perkara tersebut telah diteliti dengan lebih mendalam bagi memastikan segala yang dijelaskan dalam bab satu lengkap, berinformasi dan penuh dengan fakta. Tanpa bab satu yang memberi penjelasan tentang keseluruhan kajian ini maka kajian inikabur dan tidak tersusun.

### **Bab Dua**

Pada bab dua diperjelaskan mengenai sorotan kajian. Kajian-kajian yang telah dijalankan sedikit sebanyak membantu kajian ini dari segi kajian yang baharu yang perlu dijalankan. Sorotan kajian dijalankan bagi mengenalpasti di mana kelemahan yang perlu diatasi bagi menjalankan kajian ini.

### **Bab Tiga**

Pada bab tiga berlakunya analisis terhadap teori yang digunakan. Teori estetika bersepada dijadikan sebagai sandaran bagi kajian ini. Teori yang diasaskan oleh Abdul Halim Ali ini didapati melengkapi tuntutan bagi kajian ini. Dalam bab ini dijalankan secara menyeluruh mengenai analisis tentang hubungan novel dan skrip bagi drama yang diadaptasi dengan menggunakan teori estetika bersepada. Hubungan tersebut dijalankan secara rapi bagi memastikan teori estetika bersepada selari dengan apa yang dikaji.

### **Bab Empat**

Analisis dan perbincangan menjadi penghuni bagi bab empat. Pada bab ini dijalankan perbincangan secara menyeluruh mengenai apa yang diakaji. Bab ini menjadi tunjang bagi kajian ini kerana semua hasil kajian terkandung dalam bab ini. Tanpa bab ini maka kajian ini tidak lengkap sama sekali.

### **Bab Lima**

Pada bab terakhir ini menyimpulkan semua yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Kesimpulan ini merangkumi daripada pengenalan sehingga analisis dan perbincangan.

## 1.8 KESIMPULAN

Natijahnya, tahap penulisan skrip di Malaysia masih berada dalam tahap yang sederhana jika hendak dibandingkan dengan penulisan skrip bagi negara lain yang terkenal dengan penghasilan karya yang cemerlang seperti Indonesia, Eropah, Amerika Syarikat dan sebagainya. Walaupun sudah ada sebahagian drama tempatan yang cemerlang dari sudut penulisan skripnya namun ia tidak memadai untuk menembusi pasaran antarabangsa kerana kekurangan nilai komersial. Seperti kita lihat karya drama daripada negara Korea Selatan misalnya dapat menembus pasaran antarabangsa kerana nilai komersialnya yang sangat tinggi walaupun penulisan skripnya berbahasa Korea namun nilai estetika yang terdapat padanya sudah memadai untuk menjadikan karyanya cemerlang dari pelbagai sudut. Manakala adaptasi semakin hari semakin meningkat dari sudut bilangannya. Hal ini dapat memberikan inspirasi dan idea kepada ramai pihak bahawa projek adaptasi ini merupakan projek yang meyakinkan dan dapat membawa pulangan yang setimpal dengan proses yang telah dilakukan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENULISAN SKRIP

Separuh daripada penulis skrip di Malaysia menyatakan bahawa penyelidikan bagi karya adalah tidak perlu dan tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjalankan kajian bagi sesebuah karya yang ingin dihasilkan dan separuh lagi menyatakan bahawa penyelidikan dijalankan jika kaedaan mendesak dek kerana kekurangan idea dan penyelidikan yang dijalankan hanyalah sedikit kerana kesuntukan masa (Asiah Sarji, 1996). Kajian Ummi Hani Abu Hassan pada tahun 2011 menyatakan bahawa kebanyakan drama tempatan hanya mementingkan keuntungan semata-mata kerana setiap aspek drama adalah kemahuan penerbit bukan Melayu. Impaknya, kebanyakan drama tempatan tidak memamerkan imej Islam yang baik, tidak memartabatkan bahasa Melayu dan tidak mempamerkan perpaduan masyarakat Melayu dan ummah.

Wiramanja@ A.Rahman A. Hanafiah (2006) dalam artikel Penulisan Skrip Filem: Ketajaman Pemikiran Dan Bakat menyatakan bahawa kekurangan ilmu dalam diri penulis membuatkan seseorang penulis itu menghadapi kesukaran atau masalah dalam menghasilkan skrip tersebut. Hal ini kerana, penghasilan sesebuah skrip yang berkualiti memerlukan kefahaman yang sangat dalam dalam sesuatu perkara sebelum menginterpretasikan ke dalam kertas skrip. Logik akal perlulah menjadi sandaran utama bagi penghasilan sesebuah skrip kerana setiap paparan membawa mesej yang diperlukan bagi mengatasi pelbagai permasalahan dalam masyarakat.

Penggunaan bahasa seringkali menjadi perbahasan utama dalam setiap kajian berkaitan dengan penulisan. Nor Hashimah dan Zaharani (2011) dalam kajianya yang berjudul Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya menyatakan bahawa pertunjukan budaya dan jati diri menjadi faktor utama bagi mengkomoditikan budaya. Walaupun skrip mereka berbahasa korea

sepenuhnya, namun ia tidak menghalang penyampaian mesej dan nilai-nilai positif yang ditonjolkan dalam karya tersebut. Punca penghasilan drama yang tidak berkualiti yang menjurus kearah penghasilan skrip yang tidak berkualiti juga disebabkan oleh bayaran yang diterima oleh penulis skrip amatlah rendah dan tidak setimpal dengan usaha yang telah diberikan. Pembayaran terhadap program yang rendah semenjak 17 tahun lepas juga menjadi sebab penerbit tempatan tidak berani mengeluarkan modal untuk menghasilkan karya drama yang berkualiti (Latiff, 2012).

Secara keseluruhanya, penulis skrip tempatan terlalu banyak menggunakan kata-kata sehingga memadatkan skrip yang menyebabkan karya yang dihasilkan tidak selari antara kata-kata dan pergerakan visual (Asiah Sarji, 2009).

Menurut Asiah Sarji (1997) menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah yang didapati kebanyakan penulis skrip dan hasil penulisan mereka iaitu:

- 1) Dialog yang terbentuk tidak sesuai dengan perwatakan, tidak kemas dan hambar.
- 2) Lemah dalam membuat plotting. Penceritaan sehingga menjadikannya meleret-leret.
- 3) Perkembangan watak terpusat dan lemah.
- 4) Suka meletakkan sub-plot sehingga menjadikan cerita tidak ada kesinambungan.
- 5) Cerita dan skrip yang cliché.

Kebanyakan pengkaji lepas menyenaraikan beberapa faktor yang menyebabkan sebuah filem lemah dari sudut penghasilan skrip seperti yang dinyatakan oleh Abdul Razak Haji Mohaideen dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar dalam kajiannya yang bertajuk Meneroka Permasalahan Tenaga Modal Insan dalam Industri Filem Malaysia. Mereka menyatakan bahawa skrip yang longgar, tidak bermutu dan lemah merupakan antara faktor yang membuatkan industri filem di Malaysia bermasalah. Mereka menambah bahawa pengarah dan penerbit haruslah mengambil peranan dengan memperbanyakkan lagi bahan bacaan untuk memberikan idea yang berkualiti dan berunsur realism dalam sesebuah skrip. Oleh itu, penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji tersebut jelas menyatakan bahawa skrip

merupakan antara salah satu faktor yang menyebabkan sebuah filem dikategorikan sebagai tidak berkualiti dan lemah.

Menurut Mohd Daly Daud, Norsyamimi Harun dan Md. Rozalfri Johori dalam kajian mereka yang bertajuk Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian, terdapat beberapa hasil kajian mereka yang menunjukkan penulisan skrip di Malaysia masih di paras yang kurang memuaskan. Antara isu yang sering dijadikan sebagai perbincangan dalam menentukan tahap sesebuah skrip tersebut adalah isu penulis skrip yang kurang membuat penyelidikan. Setelah diamati oleh pengkaji, kebanyakan penulis skrip tempatan tidak melakukan penyelidikan yang menyeluruh terhadap skrip yang akan ditulis. Ia tidak berlaku hanya kepada penulis skrip karya fiksyen sahaja namun karya bukan fiksyen turut terpalit dengan isu ini. Para informan amat menekankan bahawa setiap skrip haruslah dilalui dengan melalui sesuatu penyelidikan dahulu. Terdapat dua situasi yang digambarkan oleh para informan iaitu penulis skrip hanya mengambil data sekunder untuk melakukan penyelidikan seperti melayari internet untuk mendapatkan maklumat mengenai apa yang ingin ditulis dan situasi yang kedua adalah di mana pengkaji perlu turun padang bagi menjalankan penyelidikan secara bersemuka. Hal ini dapat memberikan satu pengalaman yang membolehkan penulis skrip memberikan fakta-fakta yang lebih terperinci dan padat. Para informan bersetuju bahawa situasi yang kedua perlu diutamakan oleh penulis skrip bagi menghasilkan sebuah skrip yang lebih padat dan bermakna.

Penulis skrip juga perlu mempunyai satu kemahiran yang tertentu bagi menghasilkan sebuah karya yang mempunyai nilai yang tersendiri. Kemahiran merupakan sebuah kelebihan yang perlu ada bagi setiap orang kerana kemahiran mampu membuatkan seseorang melangkah lebih jauh dalam bidang masing-masing. Dalam konteks bidang penulisan skrip ini, kemahiran yang perlu ada menurut Asiah Sarji (1996) adalah penulis skrip haruslah mempunyai beberapa kemahiran dalam menghuraikan visual. Penulis skrip haruslah didedahkan dengan pelbagai teknik seperti jenis-jenis shot, *fade in* dan *fade up* lagu latar belakang dan beberapa effect lain supaya penulis skrip dan pengarah dapat berhubung dengan baik kerana penulis skrip tahu serba sedikit mengenai apa yang pengarah perlukan. Matlamat filem juga boleh dicapai dengan kadar yang maksimum kerana penulis skrip dapat memvisualisasikan lakon layar dengan baik.

## 2.2 ADAPTASI

Proses pemindahan daripada teks kepada layar lebar atau skrin seringkali menjadi perbincangan dan hasilnya, adaptasi mempunyai persamaan dengan terjemahan di mana terjemahan atau adaptasi merupakan satu proses kreatif ( Cartmell 2010; Leitch 2008). Terjemahan dan adaptasi merupakan dua perkara yang berbeza namun kedua-duanya mengalami proses yang sama dalam menterjemahkan sesuatu perkara dalam bentuk yang berbeza. Secara spesifiknya, teori polysystem telah dikemukakan bagi mengenalpasti hubungan antara adaptasi dan terjemahan menjelang tahun 1970 (Cattrysse, 2014). Hubungan antara keduanya adalah adaptasi dan terjemahan melibatkan interaksi antara pengguna dan teks. Adaptasi merupakan sebuah teknik terjemahan yang dijalankan di dalam beberapa kaedaan atas dasar kerelevan berbanding ketepatan (Bastin 2011:3). Proses terjemahan yang mempunyai persamaan dengan adaptasi merupakan salah satu proses yang melibatkan kekreatifan seseorang bagi menjalankan penterjemahan yang berkualiti di samping melebarkan elemen kreativiti dalam proses penterjemahan dan adaptasi tersebut. Menurut Loffredo dan Perteghella (2006:2) kreativiti merujuk kepada “penterjemahan yang subjektif” yang bergantung kepada input yang dikemukakan dan diproses oleh penterjemah. Sehubungan dengan itu, mesej yang ingin diterapkan dapat disampaikan melalui terjemahan yang kreatif lalu diinteprasikan ke pelbagai medium atau platform seperti drama, filem dan sebagainya.

Menurut Wiramanja @ A.Rahman A.Hanafiah novel dan cerpen merupakan salah satu contoh yang mempunyai keperibadian tersendiri di mana pembacanya boleh mengintrepasikansesuatu visual dalam fahaman mereka berdasarkan apa yang dibacanya. Misalnya, suatu adegan atau aksi perlu digambarkan dengan ayat-ayat yang sesuai, stail dan bahasa yang difahami bagi menarik minat pembaca. Christian Metz (n.d) yang merupakan salah seorang ahli teori dalam bidang sinema berpandangan bahawa makna sebenar bagi imej sinematik mengandungi satu atau beberapa perkataan. Penggunaan kata-kata di dalam novel perlulah selari dengan apa yang hendak divisualkan sebagai contoh menggambarkan sebuah bangunan 100 tingkat runtuh dalam novel amatlah mudah yang mana hanya bermain dengan kata-kata yang menggambarkan bahawa bangunan tersebut runtuh. Namun bagi filem, ia tidak mudah

sama sekali. Hal ini kerana, menggambarkan bangunan 100 tingkat dalam bentuk filem memakan kos yang sangat besar. Walaupun adegan tersebut boleh dilakukan dengan CGI namun ia tetap memakan kos untuk mengupah kepakaran yang sesuai. Seterusnya, jika menggambarkan air sungai yang mengalir di dalam novel cukup sekadar dengan kata-kata atau ayat-ayat yang sesuai namun dalam filem memerlukan shot-shot dari sudut yang bersesuaian yang melibatkan masa yang lama dan penggambaran perlulah dilakukan berdasarkan apa yang hendak dirakam sebagai contoh di sungai. Elemen visual dalam novel dan filem adalah dua perkara yang berbeza kerana dalam novel cukup sekadar imaginasi sahaja, namun dalam filem adalah nyata.

Beliau menambah bahawa pengadaptasian karya novel ke filem bukanlah suatu perkara yang dikatakan mudah kerana ia melibatkan kepelbagaiantaksi, kewangan dan masa yang tidak pernah sedikit jumlahnya. Hal ini mengakibatkan peranan bagi penulis skrip yang perlu cermat dan meneliti dengan lebih mendalam bagi membongkarkan segala aksi yang terdapat dalam teks dapat diterjemahkan dalam bentuk lakon layar seperti aksi dan sebagainya. Sebuah karya filem memerlukan penulis skrip yang berwibawa bagi membolehkan filem yang bakal dijalankan memenuhi tuntutan daripada penerbit atau produser. Justeru penulis skrip perlulah menghayati karya beliau dengan lebih mendalam untuk menjadikan idea yang penulis skrip gambarkan memenuhi tuntutan logik akal dalam karya filem. Kesemua kos yang menjadi tanggungan bagi sebuah filem bergantung kepada kerangka pemikiran penulis skrip dalam penghasilan idea-idea bagi menampakkan filem tersebut berjaya dihasilkan dengan berkualiti dan dapat menarik minat penonton yang sanggup membayar tiket panggung bagi menyaksikan filem tersebut.

Menurut Sugeng Riyadi (2014) dalam kajiannya yang bertajuk Penggunaan Film Adaptasi Sebagai Medium Pengajaran Sastra, filem adaptasi mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran sastera. Beliau menjelaskan bahawa filem adaptasi perlu ditonton oleh para pelajar sastera kerana menonton filem adaptasi dikatakan sama konsep dengan kegiatan menyemak dan membaca. Beliau menetapkan bahawa terdapat tiga komponen penting bagi menjadikan filem adaptasi sebagai sebuah medium pembelajaran bagi pelajar sastera. Tiga komponen tersebut adalah sebelum menonton, ketika menonton dan setelah menonton. Bagi ‘sebelum menonton’, sebelum pelajar dipertontonkan sebarang filem adaptasi hendaklah guru

mendedahkan perkara-perkara yang penting seperti tujuan aktiviti, perkara yang perlu difokuskan dan sebagainya. ‘Ketika menonton’ pula pelajar perlu fokus dan mengambil beberapa poin penting bagi menganalisis filem adaptasi tersebut. Pada komponen ‘setelah menonoton’ pula pelajar dikehendaki melakukan beberapa analisis bagi menampakkan hasil pembelajaran yang penting setelah menonoton filem adaptasi.

Menurut Desmond dan Hawkes (2006:50-51), perbandingan perlu dilakukan terhadap unsur naratif iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema di antara teks sastera dan filem adaptasi bagi mengenalpasti bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh penulis skrip dan pengarah filem. Setiap perubahan yang ada dari sudut naratif hendaklah disertakan sekali dengan sebab. Sebab yang perlu dicari adalah berdasarkan penelitian terhadap karya adaptasi dan teks sastera yang telah digunakan. Pengetahuan yang ada mengenai sastera dan filem haruslah digunakan untuk menghasilkan sebuah naratif yang tepat berdasarkan teori adaptasi. Setelah perbandingan dilakukan bentuk dan kaedah berdasarkan teori adaptasi perlu ditentukan oleh pengkaji bagi mengenalpasti jenis adaptasi yang digunakan seperti adaptasi longgar, tertutup dan sederhana.

Selain adaptasi daripada teks sastera kepada filem adaptasi, terdapat juga adaptasi daripada teks puisi kepada pentas teater. Penggunaan konsep adaptasi diperlukan bagi mendapatkan hasil yang sama seperti teks sastera. Menurut Fathin Ezaty Binti Md Sukri dan Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah (2020) dalam kajian mereka dalam Adaptasi Skrip Ke Pentas: Menunggu Lampu Hijau Karya Hatta Azad Khan membincangkan mengenai adaptasi monodrama Menunggu Lampu Hijau dari skrip ke pentas yang dilihat daripada beberapa aspek. Antara aspek-aspek yang diadaptasikan oleh pengarang adalah seperti watak perwatakan, plot dan tema. Aspek-aspek tersebut diadaptasikan atau dipindahkan ke dalam bentuk seni persembahan teater. Walaupun terdapat beberapa aspek ditukar dan ditambah namun tema utama bagi karya Menunggu Lampu Hijau iaitu unsur poligami tetap dikenalkan bagi menghasilkan adaptasi yang sama dengan monodrama tersebut.

Menurut Siti Isnaniah (2015), dalam kajiannya yang bertajuk Ketika Cinta Bertasbih: Transformasi Novel Ke Film membincangkan mengenai kesan terhadap penonton setelah menonton dan membaca Ketika Cinta Bertasbih versi novel dan filem. Terdapat dua kaedaan

setelah seseorang yang pernah membaca novel Ketika Cinta Bertasbih kemudian menonton filem adaptasinya iaitu ada yang akan memberikan maklumbalas yang mengatakan filem itu tidak bagus dan ada juga yang mengatakan filem itu bagus. Bagi yang mengatakan bahawa filem itu tidak bagus adalah kerana gambaran yang ada dalam novel itu tidak diinterpretasikan dengan baik dan manakala yang mengatakan bahawa filem itu bagus adalah kerana penonton itu mengetahui bahawa sebuah filem adaptasi tidak perlu menggambarkan sepenuhnya apa yang digambarkan sedia ada daripada novel.

### **2.3 PENGARUH ESTETIKA DALAM KARYA**

Estetika merupakan sebuah pendekatan yang mengetengahkan elemen keindahan dalam sesebuah perkara. Menurut North (2001), gambaran estetika adalah pada imej yang dipaparkan dan ia merupakan satu representasi seni bagi sesebuah filem jika ia dapat menggambarkan suatu gambaran yang memenuhi nilai estetik. Jika sebuah filem tidak mampu memberikan sebuah gambaran yang akan memberikan mesej kepada penonton maka ia tidak dapat memberikan gambaran estetik kepada penonton. Hal ini kerana, estetik merupakan satu perkara subjektif, ia perlu digambarkan bagi memenuhi jangkaan penonton bagi filem tersebut dari sudut estetik.

Menurut Azaha Ibrahim dan Abu Hassan Abdullah (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Estetika Rasa Dalam Filem Arahan Dan Lakon Oleh P.Ramlee: Analisis Terhadap Filem Penarek Becha (1955) membincangkan mengenai unsur estetik yang ada dalam filem Penarek Becha untuk dijadikan sebagai sorotan bagi kajian ini. Antara unsur estetika yang menjadi analisis bagi kajian ini adalah estetika rasa. Estetika rasa menjadi tumpuan utama bagi kajian ini kerana estetika rasa memerlukan emosi sebagai penonton untuk menentukan bahawa filem itu sampai dari sudut mesej yang dibawa. Mesej yang dibawa dalam filem tersebut muncul dalam pelbagai scene yang hadir dalam bentuk estetika rasa supaya penonton dapat merasa pelbagai emosi seperti kesian, kagum, hairan dan sebagainya.

Menurut Abu Hassan Abdullah (2005), filem yang mengandungi unsur seni dalamnya adalah menggabungkan antara akal fikir dan akal rasa bagi menghasilkan sesebuah kecantikan, keindahan, kesempurnaan dan keseronokan dalam sesebuah filem. Manakala bagi Mohd

Ghazali Abdullah (2005), karya yang mempunyai unsur memberi kenikmatan dan rasa keindahan kepada penonton adalah merupakan salah satu fungsi estetika filem.

Keindahan merupakan salah satu komponen penting bagi unsur estetika. Dalam kajian Abdullah Yusof, Rahimin Affandi Abd Rahim, Nur Adina Abdul Kadir dan Nor Hayati Bt Md Dahlal (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk Konsep Feminisme Islam Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. Unsur feminism merupakn salah satu unsur yang mengangkat wanita dalam sesuatu karya. Apabila ia digabungkan dengan konsep islamik, ia lebih menampakkan keseimbangan namun tetap mengangkat wanita dari sudut kesempurnaan. Apabila berbicara mengenai filem berunsur islamik, ia membuktikan bahawa keindahan islam itu sendiri yang bersifat saling lengkap melengkapi, sempurna dan menyelesaikan isu-isu sebenar. Perkara tersebutlah merupakan sebuah keindahan yang sejati.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Bab 3 ini merangkumi metod-metod yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Beberapa metod dijalankan dengan teliti agar hasil data lengkap dan informatif. Kajian ini banyak mendapatkan maklumat daripada pengkaji-pengkaji lepas bagi menghasilkan kajian yang lebih relevan pada masa kini.

#### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan salah satu aspek penting bagi kajian ini bagi menetukan kajian ini menjalankan kajian dengan metod yang khusus. Kajian ini memfokuskan satu reka bentuk kajian yang menjadi teras bagi kajian ini iaitu kaedah kualitatif

##### Kaedah Kualitatif

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara teliti. Kaedah kualitatif adalah satu kaedah yang memperoleh data, pemahaman dan makna daripada satu kes. Menurut Creswell (1998), proses pengumpulan data adalah dengan mengenalpasti individua atau tapak, merekod maklumat, persampelan bertujuan, mengumpul data, mendapatkan akses dan membina rekod, menyelesaikan isu-isu lapangan dan menyimpan data. Kaedah kualitif merupakan sebuah kaedah yang dapat memberikan gambaran yang jelas dan tepat berdasarkan pendapat daripada Lexy (2007), pendekatan kualitatif adalah satu data gambaran yang boleh diamati hasil daripada sebuah prosedur penyelidikan.

### 3.1.1 Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan salah satu metod yang jelas bagi mendapatkan sesebuah data. Data yang dapat daripada cara pengumpulan data ini dapat dijadikan sebagai salah satu ikhtiar yang dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan kajian yang berkualiti dan tepat. Pengumpulan data juga dilakukan secara teliti agar maklumat yang didapati tidak bercanggah dengan objektif kajian dan dapat menjawab pelbagai persoalan yang timbul dalam kajian ini.

#### a) Data Sekunder

Data sekunder merupakan salah satu data yang telah didokumentasikan dalam sebuah dokumentasi. Data sekunder merupakan data yang dikumpul daripada beberapa kajian yang telah ditulis oleh beberapa ahli akademik yang telah menjalankan kajian mereka. Data sekunder penting bagi menghasilkan kajian yang baru dan berkualiti. Terdapat beberapa kaedah yang diperolehi berdasarkan data sekunder.

Kaedah ini akan mengumpulkan data seperti berikut:

##### a) Kajian Perpustakaan.

Kajian ini dijalankan dengan pengumpulan data daripada beberapa maklumat yang berjaya diperolehi daripada Perpustakaan UMK Kampus Bachok. Antara beberapa maklumat yang berjaya diperolehi adalah daripada Perpustakaan UMK Kampus Bachok adalah seperti buku-buku, tesis dan data bertulis yang lain.

##### b) Artikel/ Jurnal

Artikel yang banyak diperolehi daripada sumber internet dapat menambahkan lebih input pengkaji bagi menambahkan maklumat tambahan yang penting dalam kajian yang dilakukan.

##### c) Bahan Ilmiah

Bahan ilmiah juga amat penting bagi menambahkan lebih pengetahuan pengkaji dari sudut ilmiah bagi menghasilkan kajian yang lebih berilmiah.

#### d) Analisis Filem Adaptasi

Oleh kerana kajian ini merupakan satu analisis terhadap beberapa filem adaptasi, maka wajarlah bagi pengkaji menganalisis filem adaptasi terpilih dengan menggunakan kaedah menonton filem adaptasi terpilih.

### **ANALISIS DATA**

Analisis data merupakan satu proses akhir yang dijalankan setelah kajian melalui beberapa proses pengumpulan data yang penting bagi menghasilkan kajian yang berstruktur. Bagi kaedah kualitatif, data yang diperolehi daripada responden diteliti dan direkodkan bagi mengukuhkan teori dan analisis yang dikaji.

Semasa melakukan beberapa proses untuk mendapatkan data, kajian juga dijalankan ke atas responden bagi menentukan responden tersebut layak untuk memberi respon yang diperlukan bagi melicinkan kajian ini. Jika kaedah kualitatif dijalankan terhadap responden yang tidak layak, kajian yang dijalankan tampak tidak berkualiti dan caca marba. Setelah maklumat-maklumat diperolehi, beberapa langkah akan dijalankan bagi menyusun maklumat tersebut supaya maklumat-maklumat ini mengikut kategori yang telah ditetapkan. Tujuan penyusunan maklumat ini adalah untuk menampakkan kajian ini lebih tersusun dan kemas.

### **TEORI ESTETIKA BERSEPADU**

Teori ini digagaskan oleh Professor Madya Dr Abdul Halim Ali pada tahun 2009. Teori ini mempunyai sudut pandang agama yang tinggi oleh pengasasnya. Teori ini berpegang kepada al Quran dan manusia pertama iaitu Adam sebagai khalifah Allah yang sempurna luaran dan dalaman. Menurut Abdul Halim Ali, terdapat beberapa komponen utama yang bersepada di bawah teori ini seperti bahasa, pemikiran, idea, perutusan dan pengajaran. Beliau menambah bahawa teks merupakan sebuah alat perhubungan di antara pencipta, pengarang, agama dan realiti. Teori ini menjadikan Nabi Adam A.S sebagai contoh untuk memahami unsur keindahan dan penyempurnaan. Nabi Adam A.S merupakan manusia pertama yang diciptakan oleh Allah S.W.T yang mempunyai ilmu dan fikiran. Kisah Nabi Adam A.S banyak dikisahkan dalam al Quran sebagaimana firman Allah S.W.T yang mengatakan bahawa Nabi Adam A.S merupakan sebaik-baik makhluk dan mempunyai kelebihan (kesempurnaan) berbanding makhluk lain. Allah S.W.T juga menjadikan manusia lain sebagai makhluk ciptaan indah yang menyebabkan terhasilah konsep kesepaduan.

Teras bagi teori estetika bersepada adalah kebenaran. Terdapat dua bahagian mengenai kebenaran dalam teks sastera iaitu yang pertama, keindahan luaran. Keindahan luaran merupakan sebuah gambaran yang dipaparkan dari sudut penggunaan unsur-unsur dan gaya bahasa. Kedua, keindahan dalam yang merangkumi aspek pemikiran oleh pengarang yang berhubung di antara aspek realiti dan ajaran agama Islam. Bagi mendukung teras bagi teori estetika bersepada tersebut, pengkaedahan stilistik dan pengkaedahan balaghah juga diperlukan dalam menganalisis kajian ini. Pengkaedahan stilistik merupakan sebuah kaedah yang memerlukan pemahaman dalam ilmu gaya bahasa dalam bidang stilistik dan pengkaedahanbalaghah pula perlu difahami ilmu balaghah dan cabang-cabangnya. Kedua-dua teras tersebut, pengkaedahan stilistik dan pengkaedahan balaghah dijadikan sebagai analisis terhadap kajian ini.

a) Keindahan Luaran


Keindahan luaran merupakan salah satu bahagian yang memfokuskan kepada aspek cara penyampaian dan gaya bahasa bagi sesebuah teks sastera (Mana Sikana, 2013). Cara untuk mengenal pasti keindahan adalah dengan menggunakan pancaindera dan mata menjadi pancaindera pertama yang dapat mengenal pasti sesebuah keindahan. Oleh itu, aspek cara penyampaian dan gaya bahasa menjadi perkara pertama yang dapat dikenal pasti oleh penglihatan. Gaya bahasa dan cara penyampaian hendaklah bersatu dengan tuntutan keindahan yang diperlukan dalam konteks keindahan luaran. Keindahan luaran dapat diaplikasikan ke dalam penulisan skrip kerana penulisan skrip mempunyai tahap gaya bahasa yang tertentu bagi menghasilkan sebuah skrip yang berkualiti. Cara penyampaian juga menjadi sebahagian daripada keindahan luaran dan skrip memerlukan penyampaian yang berkesan bagi membolehkan sebuah skrip difahami dan dapat diperaktikkan.

**b) Keindahan Dalaman**

Keindahan dalaman merupakan sebuah bahagian yang menentukan kadar penyampaian keindahan terhadap orang lain. Apabila diteliti dalam teks sastera dapat dilihat bahawa keindahan tidak hadir hanya dalam bentuk penulisan dan tutur kata sahaja kerana pemikiran dan pemahaman yang tinggi juga diperlukan bagi memastikan keindahan tersebut dapat diterima dan dihayati oleh pelbagai pihak. Dalam konteks keindahan dalaman, pengarang hendaklah menghadirkan kebenaran dari sudut agama dan realiti. Hal ini bermakna, pengarang tidak menyampaikan sesuatu hanya dengan menggunakan imajinasi dan fantasi pengarang semata-mata. Penulisan skrip yang menjadi kajian ini merupakan salah satu teks yang memerlukan pengarang menghasilkan sebuah skrip yang tidak hanya menggunakan fiksyen sebagai wadah utama namun, menjadikan ajaran islam dan apa yang berlaku dalam realiti sebenar sebagai mesej utama yang disampaikan oleh pemikiran pengarang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 3.3 KERANGKA KONSEP



### 3.4 KESIMPULAN

Keseluruhannya, bab 3 ini memfokuskan mengenai kaedah yang perlu dijalankan untuk mendapatkan kajian yang lebih informatif dan bersandarkan kepada fakta. Bagi kajian ini, kaedah yang dilakukan adalah kaedah kualitatif yang seperti sedia maklum merupakan sebuah kaedah kajian yang popular dan sangat sesuai bagi objektif kajian ini. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori estetika bersepadu yang digagaskan oleh Professor Madya Dr. Abdul Halim Ali.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENGENALAN

Penulisan skrip filem merupakan salah satu kegiatan sastera yang semakin lama semakin berkembang seiring dengan pertumbuhan filem yang tumbuh seperti cendawan setelah hujan. Penghasilan skrip filem yang berkualiti memerlukan tumpuan yang sepenuhnya kerana penghasilan skrip yang bermutu memerlukan seorang penulis skrip yang berfikiran kreatif dan idealis. Kebanyakan filem memerlukan skrip bagi memberikan gambaran atau perjalanan penuh mengenai filem yang ingin dihasilkan. Filem yang bagus memerlukan skrip yang bagus berdasarkan kenyataan daripada Alfred Hitchcock, “Untuk menghasilkan sebuah filem yang bagus, terdapat tiga perkara yang penting iaitu skrip, skrip dan skrip”. Hal ini jelas menunjukkan bahawa skrip yang bagus mempengaruhi filem supaya menjadikannya lebih cemerlang dan diterima oleh penonton.

Estetika dan skrip filem amat berkait rapat antara satu sama lain. Estetik dalam filem merupakan satu seni filem yang menampakkan bahawa filem ini mengandungi sebuah perspektif estetik yang membuatkan sebuah filem lebih menampakkan keestetikaannya. Estetik ini secara umumnya bersifat keindahan, kecantikan dan banyak lagi maksud lain bagi estetika ini. Filem estetik merupakan sebuah filem yang mengandungi keindahan dari pelbagai sudut. Hal ini membuatkan sebuah filem lebih menarik minat penonton untuk melihatnya.

Apabila berbicara mengenai estetik dalam filem, ia dapat dikaitkan dengan unsur realisme. Realisme mendominasi seni estetik dalam filem. Realisme dalam seni memberi gambaran tentang ketepatan dan perincian mengenai kehidupan dan sebagainya. Realisme dalam filem dapat dilihat dari segi produksi, gaya dan efeknya. Pelbagai disiplin dikaitkan jika ingin memastikan seni estetika selari dengan filem. Disiplin seperti sinematografi, muzik, kostum dan makeup membuatkan sebuah filem tersebut menepati kriteria yang diperlukan bagi menghasilkan sebuah filem yang berestetika.

#### 4.2 Nilai Estetika Dalam *Habibie & Ainun*

Nilai estetika dalam *Habibie & Ainun* merupakan salah satu tumpuan utama bagi menyempurnakan objektif bagi kajian ini iaitu mengenalpasti unsur-unsur estetika dalam filem adaptasi terpilih. Pemilihan filem *Habibie & Ainun* merupakan sebuah filem yang tepat jika ingin mengkaji mengenai nilai estetika dalam filem. Menurut pengarah filem *Habibie & Ainun*, Faozan Rizal "Tidak ada yang bisa menandingi cintanya Eyang Habibie ke Eyang Ainun, bisa dibilang kalau disimpulkan ya ini Romeo-Julietnya Indonesia," berdasarkan kepada kenyataan tersebutlah menandakan bahawa tahap nilai estetika filem *Habibie & Ainun* berada di tahap yang sama dengan sebuah filem yang tidak asing lagi akan tahap estetikanya iaitu Romeo & Juliet. Hal ini membuatkan filem *Habibie & Ainun* sesuai jika dijadikan sebagai rujukan bagi kajian ini. Manakala pemilihan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah kerana keindahan dialog dan dialek yang terdapat dalam filem tersebut. Budaya Minang yang diketengahkan dalam filem tersebut berjaya mengangkat tutur kata yang unik untuk dijadikan sebagai tatapan umum akan keindahan bahasa minang tersebut.

Terdapat beberapa cara untuk menilai tahap estetika bagi melengkapkan objektif bagi kajian ini. Keindahan luaran adalah salah satu antara dua bahagian untuk mengenalpasti tahap estetika bagi sesebuah karya tersebut. Keindahan luaran merupakan kaedah yang tepat bagi mengenalpasti unsur-unsur estetika yang terdapat dalam filem ini kerana keindahan luaran merupakan sebuah keindahan yang yang memfokuskan kepada aspek cara penyampaian dan gaya bahasa. *Habibie & Ainun* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* mengandungi tahap gaya bahasa dan cara penyampaian yang dominan sepanjang filem tersebut. Dalam pengenalpastian keindahan luaran ini, terdapat beberapa aspek yang dilihat bagi menyenaraikan keindahan luaran tersebut. Antara aspek yang dilihat dalam keindahan luaran ini adalah aspek gaya bahasa dan cara penyampaian.

#### 4.2.1 Gaya Bahasa

Gaya bahasa merupakan satu kaedah stilistik bagi mengenalpasti laras bahasa yang digunakan oleh penulis. Gaya bahasa menjadi penanda aras akan tingginya kaedah pemikiran penulis dalam menghasilkan karya-karya mereka. Penulisan dengan gaya bahasa yang tinggi juga membuatkan sebuah karya tersebut menjadi lebih berseni dan mempunyai nilanya yang tersendiri. Gaya bahasa juga mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tahap estetika bagi sesebuah karya tersebut. Hipotesis yang telah dijalankan telah membuat kesimpulan bahawa semakin tinggi gaya bahasa dalam sebuah karya semakin tinggi nilai estetika bagi karya tersebut. Apabila dari sudut estetika terhadap gaya bahasa sesebuah karya, keindahanlah yang dapat dilihat dengan jelas dan terang. Hal ini kerana keindahan merupakan teras utama bagi estetika. Beberapa gaya bahasa telah dikenalpasti dalam filem *Habibie & Ainun* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* untuk dikupas satu persatu bagi mencapai objektif bagi kajian ini.

##### 4.2.1.1 Metafora

Metafora menurut Dr. Rozaimah dalam pembentangannya yang bertajuk “Metafora Melayu: Cerminan Emosi, Pemikiran dan Jati Diri Bangsa” menggunakan bahasa yang lain daripada bahasa yang tersurat atau dengan kata lainnya adalah bahasa kiasan. Metafora juga menggabungkan satu perkataan konkret (dapat dilihat, dirasai dan bersifat kebendaan atau nyata) dan satu perkataan abstrak (tidak berupa atau tidak bersifat kebendaan dan tidak dapat dirasai oleh pancaindera) bagi menghasilkan sebuah gabungan perkataan yang rapi dan berhubungan antara keduanya. Metafora juga terdapat tiga bahagian utama iaitu Metafora Konvensional, Metafora Konseptual dan Metafora Linguistik. Metafora Konvensional terdiri daripada perbandingan, analogi, simpulan bahasa, peribahasa dan sebagainya. Metafora linguistik melibatkan drasa, ujaran atau kata yang bersifat metaforikal. Metafora Konseptual pula adalah satu bentuk mekanisme untuk memahami atau mengkonsepsikan sesuatu tersirat atau abstrak. Tujuan utama metafora ini adalah untuk menggerakkan imajinasi pembaca ataupenonton. Pada jadual 1 di bawah disertakan gaya bahasa yang dikenal pasti dalam filem *Habibie & Ainun* tersebut manakala jadual 2 membicarakan mengenai gaya bahasa yang terdapat dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

**JADUAL 1: Metafora (*Habibie & Ainun*)**

Petikan filem <i>Habibie &amp; Ainun</i>	Penjelasan
<b>Habibie:</b> cari <b>udara segar</b> di Bandung untuk penyembuhan	<p>Udara segar merupakan gabungan di antara dua perkataan iaitu perkataan konkrit dan perkataan abstrak yang menjadikannya sebuah gaya bahasa yang metafora.</p> <p>Perkataan konkrit adalah udara kerana ia dapat dirasai oleh pancaindera. Manakala perkataan abstrak adalah segar yang merupakan bukan satu sifat kebendaan.</p>
<b>Habibie:</b> Ainun, apa ainun sudah mempunyai <b>teman dekat</b> yang khusus?	<p>Penggabungan di antara dua perkataan iaitu teman dan dekat menghasilkan sebuah metafora yang lengkap.</p> <p>Perkataan konkrit adalah teman kerana teman adalah sesuatu perkara yang wujud dan dapat dirasai oleh pancaindera. Manakala, dekat merupakan satu perkataan abstrak kerana perkataan tersebut tidak berupa atau tidak bersifat kebendaan.</p>

**JADUAL 2: Metafora (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*)**

Petikan filem TKVDW	Penjelasan
<b>Zainuddin:</b> Biarlah aku melihat <b>tanah asalku</b>	Tanah asal secara tersuratnya membawa maksud negeri kelahiran.
<b>Sutan Mudo:</b> Datuk, <b>telinga saya serasa terbakar</b> mendengar kata-kata orang di luar sana.	Sutan Mudo menyatakan secara tersirat bahawa telinga beliau merasa terbakar yang membawa maksud beliau tidak terlalu tahan dengan kata-kata nista daripada orang-orang di sekitarnya.
<b>Datuk Penghulu Adat:</b> tidak begitu cara orang minang, tidak kasar, <b>memikat burung harus dengan burung</b>	Datuk penghulu adat menolak cadangan Sutan Makmur yang ingin menggunakan cara kasar dengan membincang secara baik dengan Zainuddin.  Berbincang dengan baik merupakan perkara tersirat yang ingin dimaksudkan oleh Datuk Penghulu Adat apabila beliau mengatakan memikat burung dengan burung.
<b>Datuk Penghulu Adat:</b> Inilah yang membuat mamakmu menjadi Datuk, saya sudah banyak <b>makan asam garam</b>	Istilah makan asam garam merupakan sebuah istilah yang sangat popular dalam kalangan orang-orang tua kerana istilah tersebut disebut berulang kali sehingga generasi kini.  Makan asam garam merupakan sebuah gambaran yang dibuat oleh seseorang yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam kehidupan mereka seperti rasa masin dan hidup sudah sebatи.

<b>Mak Tangah Limah:</b> Tapi bagaimana jika Hayati 'makan hati berulam jantung'	Ungkapan daripada tersebut merupakan satu peribahasa yang termasuk dalam bahagian metafora konvensional. Maksud bagi makan hati berulam jantung adalah susah hati memikirkan perbuatan orang lain.
<b>Datuk Penghulu Adat:</b> Apa gunanya dia hidup, jika hanya akan <b>mencoret arang di kening</b>	Mencoret arang di kening merupakan sebuah ungkapan peribahasa yang membawa maksud perbuatan yang memberi malu atau mengaibkan.

#### 4.2.1.2 Ironi

Gaya bahasa ini merupakan salah satu gaya bahasa yang memerlukan daya imajinasi yang tinggi dan kreatif oleh kedua-dua pihak iaitu penulis dan pembaca. Bagi penulis, penghasilan sebuah gaya bahasa berupa ironi memerlukan pemikiran yang berfikir di sebalik apa yang ingin disampaikan supaya sebuah karya tersebut tidak bosan dan cliché. Bagi pembaca atau penonton yang menonton filem tersebut hendaklah sentiasa fokus untuk mendapatkan maksud atau maknayang tersirat berdasarkan apa yang disampaikan dalam karya tersebut. Secara umumnya, ironi merupakan satu gaya bahasa yang berbentuk sindiran atau memberikan suatu gambaran tanpa menyatakan dengan tersurat apa yang ingin disampaikan. Jadual 3 dan 4 menyenaraikan gaya bahasa ironi yang terdapat dalam filem tersebut.

Jadual 3: Ironi (*Habibie & Ainun*)

Petikan filem <i>Habibie &amp; Ainun</i>	Penjelasan
<b>Habibie:</b> "Hei, Ainun, kamu hitam, jelek,kayak <b>gula jawa..</b> "	Gula jawa merupakan satu gula tradisional yang menjadi manisan pada masa dahlu. Gula jawa merupakan satu ejekan Habibie kepada Ainun kerana warna gula jawa tersebut yang berwarna gelap merujuk kepada rupa paras Ainun yang berwarna kulit gelap.
<b>Habibie:</b> operasi ovarium tidak sama dengan operasi usus buntu.	Dalam konteks ini, Habibie & Ainun saling sindir menyindir antara satu sama lain. Ainun menyatakan bahawa dia yang doktor dan

<p><b>Ainun:</b> pa, aku yang dokter kamu itu pembuat pesawat</p> <p><b>Anaknya:</b> Rusak (sambil memberi mainan kapal terbang kepada Ainun).</p> <p><b>Ainun:</b> Sebentar ya.</p> <p><b>Habibie:</b> aku yang pembuat pesawat, kamu itu dokter, jangan sok tau</p>	<p>Habibie hanyalah jurutera pesawat yang ingin dikatakan oleh Ainun adalah dia lebih arif dalam aspek perubatan berbanding Habibie. Begitu juga apabila Habibie menyindir Ainun yang memberi maksud bahawa Habibie lebih mengetahui mengenai pesawat berbanding Ainun.</p>
---	---

**JADUAL 4: Ironi (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*)**

Petikan filem TKVDW	Penjelasan
<b>Engku Labai:</b> Kebetulan piring <b>setinggi gunung Merapi</b> belum satupun yang dicuci.	Engku Labai secara ironinya menyuruh Zainuddin untuk membantunya mencuci pinggan yang masih banyak yang dikiaskan dengan setinggi sebuah gunung.
<b>Mande Ana:</b> Kalau dipakai berjudi tidak letih tanganmu itu?	Mande Ana menyindir Muluk yang mengeluh dengan mengatakan tangannya letih apabila disuruh belajar.

#### 4.2.1.3 Simile

Gaya bahasa ini merupakan sebuah gaya bahasa yang membandingkan sesuatu kaedaan, suasana atau benda lain. Setiap perbandingan disertai dengan perkataan bagi, umpama, seperti, bak dan lain-lain. Perbandingan merupakan suatu gaya bahasa yang memberikan satu contoh untuk

menguatkan lagi kenyataan yang diberi. Setiap contoh bagi perbandingan yang dibuat hendaklah selari dengan kenyataan yang diberi. Sebagai contoh, wajah cantik bak purnama. Kehadiran simile dalam sepotong ayat membuatkan pembaca dan penonton lebih memahami dengan jelas dan meluas mengenai apa yang ingin diampaikan. Jadual tersebut memberikan penjelasan mengenai simile yang terdapat dalam filem *Habibie & Ainun*.

**JADUAL 5: Simile (*Habibie & Ainun*)**

Petikan daripada filem <i>Habibie &amp; Ainun</i>	Penjelasan
Habibie: kamu kuat Ainun, kita ini <b>ibarat gerbang</b> yang masuk ke dalam terowongan gelap dan panjang bahkan kita tidak tahu terowongan ini mengarah kemana, tapi setiap terowongan ujungnya ada cahaya, saya berjanji saya akan membawa kamu ke cahaya itu.	Habibie dalam dialognya memberikan perbandingan mereka dengan gerbang yang memberi gambaran bahawa mereka adalah sepasang suami isteri yang kuat menempuh segala cabaran untuk mendapatkan kejayaan pada akhirnya.

**JADUAL 6: Simile (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*)**

Petikan daripada filem TKVDW	Penjelasan
<b>Mak Etek:</b> Eh, masuk rumah <b>macam anak setan</b> saja kamu! Beri salam assalamualaikum.	Mak Etek menggambarkan kaedaan Muluk masuk ke dalam rumah sebagai sebuah perangai setan kerana Muluk masuk tanpa memberi salam dan menerjah masuk sahaja.

#### 4.2.1.4 Hiperbola

Gaya bahasa ini merupakan gaya bahasa yang membuat perbandingan atau perumpamaan. Namun perbandingan atau perumpamaan yang dibuat adalah secara berlebihan atau melampau-lampau. Perbandingan secara berlebihan adalah bertujuan untuk menguatkan lagi kenyataan yang diberi. Apabila perbandingan secara berlebihan diberi, tahap tumpuan dan perhatian pembaca atau penonton semakin tinggi kerana minda manusia tertarik terhadap apa yang berlebihan terhadap sesuatu perkara.

**JADUAL 7: Hiperbola (*Habibie & Ainun*)**

Petikan daripada filem <i>Habibie &amp; Ainun</i>	Penjelasan
Ainun: Kamu itu pemimpin negara. Kalau kamu ngak bisa mimpin tubuh kamu sendiri, bagaimana kamu bisa <b>pimpin 200 juta orang</b>	Dalam situasi tersebut, Ainun memarahi Habibie yang keras kepala supaya menjaga kesihatannya. Kesihatan Habibie semakin merosot sejak dilantik menjadi presiden ke-3 Indonesia. Ainun membuat perbandingan yang berlebihan dengan menyatakan bahawa jika tidak menjaga kesihatannya bagaimana hendak menjaga 200 juta orang. Secara harfiahnya, hampir mustahil untuk memimpin 200 juta orang kerana setiap 200 juta orang itu berlainan latar belakang, cara pemikiran dan sebagainya.

UNIVERSITI  
 ━━━━━━  
 MALAYSIA  
 ━━━━━━  
 KELANTAN

#### 4.2.2 Cara Penyampaian

Penyampaian merupakan salah satu cara bagi tingkah laku bagi seseorang yang menjadikannya seseorang yang mempunyai nilai-nilai yang tersendiri. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, penyampaian bermaksud menyampaikan perihal mengenai sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 3691). Penyampaian mempunyai gaya atau cara yang tertentu. Setiap manusia mempunyai cara atau gaya penyampaian yang tersendiri yang membuatkan setiap perbualan atau komunikasi lebih variasi dengan pelbagai jenis cara atau gaya penyampaian. Terdapat pelbagai jenis gaya atau cara penyampaian yang ditampilkan oleh pelbagai jenis manusia. Antara gaya atau cara penyampaian yang paling biasa ditemui adalah penyampaian yang tegas, lemah lembut dan kelakar. Antara aspek yang dikenalpasti dalam konteks penyampaian adalah dari sudut dialognya. Dialog merupakan satu perbualan di antara dua atau lebih orang. Dialog biasanya menggunakan kata-kata, isyarat tangan dan sebagainya. Cara penyampaian merupakan sesuatu yang perlu dilihat jika ingin menilai tahap estetika dalam sebuah skrip filem. Hal ini kerana, skrip yang bagus bergantung kepada suatu cara penyampaian yang dijalankan dengan baik oleh para pelakon. Jika cara penyampaian tidak berhubung dengan skrip, nilai estetika tidak akan sampai kepada para penonton. Terdapat beberapa ciri-ciri yang penting dalam konteks penyampaian yang memenuhi tahap estetika bagi filem *Habibie & Ainun* dan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Selain itu, nilai estetika juga dikenalpasti dengan teliti dalam setiap bait-bait penyampaian dalam dua filem tersebut.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.2.2.1 Cara Penyampaian Dalam Habibie & Ainun

##### a) Percintaan Dan Kasih Sayang Antara Suami Dan Isteri

Percintaan merupakan suatu fitrah bagi manusia. Ia merupakan satu perkara yang setiap manusia memilikinya walaupun sikit. Menurut Islam, cinta merupakan salah satu anugerah daripada Allah S.W.T kepada hambanya untuk terus memandang tinggi kepada penciptaNya. Bercinta sesama manusia bukanlah menjadi satu kesalahan. Hal ini kerana menurut surah Al-Zariyat (51:49) "Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan supaya kamu mengingati kebesaran Allah s.w.t." Percintaan di antara *Habibie dan Ainun* seperti yang ditampilkan dalam filem tersebut merupakan satu cinta yang agung. Bahera perkahwinan yang telah didirikan selama 48 tahun itu dijadikan sebagai percintaan yang sejati dan murni. Percintaan mereka dianggap menepati aspek keindahan adalah kerana mereka saling menyokong antara mereka dalam susah dan senang yang menjadikan perkahwinan mereka utuh dan hanya maut yang memisahkan mereka berdua. Ada beberapa keindahan yang dapat dikenalpasti daripada sudut cara penyampaian dalam percintaan dan kasih sayang di antara Habibie dan Ainun.

###### i) Cinta pandang pertama.

Cinta pandang pertama merupakan perasaan suka, cinta dan sayang pada pertama kali melihat seseorang. Cinta pandang pertama membuatkan seseorang dapat merasakan kehangatan, berdebar dan perasaan yang berbunga-bunga dalam hati seseorang itu. Cinta pandang pertama bagi Habibie dan Ainun adalah berlaku di rumah Ainun apabila Habibie berjumpa semula dengan Ainun setelah lama tidak berjumpa.

*Habibie: Haloo Ainun cantiknya, gila rupanya gula jawa sudah berubah jadi gula pasir.*

*Ainun: gula pasir (tersenyum), kamu sudah pulang dari Jerman?*

(*Habibie & Ainun, 2012, 0:10:08*)

###### ii) Janji antara Habibie dan Ainun

Janji yang suci adalah sebuah janji yang ditepati. Janji merupakan sebuah ikrar bagi seseorang atas ketersediaanya untuk melakukan sesuatu. Apabila berjanji, seseorang itu hendaklah menepatinya supaya seseorang itu tidak kehilangan kepercayaanya daripada seorang. Menurut surah Al-Anfal ayat ke-58 "Dan jika engkau mengetahui adanya perbuatan khianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu) maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat.". Hal ini menunjukkan betapa pentingnya kepada umat Islam sehingga dituntut untuk menunaikan janjinya. Manakala bagi pepatah Melayu mengatakan bahawa "lembu berpegang kepada tali,

manusia berpegang kepada janji". Menepati janji itu indah kerana ia merupakan satu sifat mulia baginda Rasulullah S.A.W dan baginda mengancam perbuatan orang yang mengungkiri janji seperti sabdanya yang bermaksud "Dari Ali bin Abi Talib RA, berkata Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa yang tidak menepati janji seorang Muslim, maka dia akan mendapat laknat Allah, Malaikat dan seluruh manusia. Tidak diterima darinya taubat dan tebusan". (HR Imam Bukhari dan Muslim). Janji di antara Habibie dan Ainun dijadikan sebagai teras bagi jalan cerita file ini.

*Habibie: "Iku sama saya, kawanin saya, mendampingi, menjadi istri, lalu kita bangun keluarga, hanya boleh kita berdua.. tanpa campur tangan dari keluarga besar. Saya tidak bisa menjanjikan banyak hal. Ntah kamu bisa jadi dokter atau tidak, ntah kita bisa hidup mudah disana, tapi yang jelas saya akan menjadi suami yang baik untuk Ainun.."*

*Ainun: "Aku tak bisa janji.. Aku tidak bisa janji menjadi istri yang baik, tapi aku janji akan selalu mendampingimu menempati janjimu"*

(Habibie & Ainun, 2012, 0:21:30)

### b) Sikap Patriotisme Dalam Diri Anak Bangsa

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka patriotisme dedifinasikan sebagai perasaan cinta yang kuat dan utuh terhadap negara tanah air (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 3076). Perasaan cinta terhadap negara hadir apabila sering dipupuk daripada kecil akan perlunya bagi seseorang anak bangsa untuk mempunyai sikap tersebut. Kehadiran sikap patriotisme dalam kalangan anak bangsa dapat memberikan kelebihan yang positif kepada sesebuah negara. Sikap patriotisme mendorong anakbangsa untuk memberikan sumbangan dari pelbagai sudut seperti ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Jesse Ventura menyatakan bahawa "There is much more to being a nationalist and a citizen than reciting the pledge or raising a flag." Seseorang yang nasionalis dituntut untuk melebihkan kepentingan negara berbanding kepentingan sendiri atas dasar cinta akan negara. Aspek keindahan atau estetika dapat dilihat dalam konteks ini kerana ramai nasionalis sanggup mati demi mempertahankan negara dan menjadikan negara tercinta sebagai keutamaan bagi mereka. Sikap nasionalis yang ditampilkan oleh watak Habibie dalam filem ini menyentuh hati ramai penonton.

### i) Cinta akan tanah air

Perasaan cinta akan negara yang ditampilkan oleh Habibie dalam filem ini tidak dapat disangkal lagi kerana perasaan tersebut dibawa bersama sejak zaman Habibie melanjutkan pelajaran di Jerman sehinggalah beliau menjadi Presiden Indonesia. Pembangunan Indonesia menjadi tujuan utama beliau bersungguh-sungguh belajar untuk membina pesawat pertama Indonesia. Beliau bekerja keras dalam bidang kejuruteraan supaya kemahiran beliau dapat digunakan dan dicurahkan kepada anak bangsa Indonesia.

*Habibie menceritakan kepada Ainun tentang janjinya membangun Indonesia. Saat dia sakit di Jerman dan berfikir hamper mati, Habibie membuat sumpah.*

*Ainun: Nanti setelah lulus kuliah, kamu tetap tinggal di Jerman atau pulang?*

*Habibie: Oh saya harus pulang, saya mahu bangun Indonesia.*

(Habibie & Ainun, 2012, 0:19:38)

### ii) Sikap integriti yang menebal dalam diri Habibie

Integriti merupakan sifat terpuji yang perlu ada dalam setiap manusia. Integriti didefinisikan sebagai jati diri yang merangkumi keikhlasan, ketelusan, amanah dan berpegang kepada prinsip. Berdasarkan definisi integriti tersebut menampakkan unsur tulus yang meningkatkan tahap estetika atau keindahan bagi filem ini. Tahap integriti merupakan perkara yang dipandang dengan serius bagi sesebuah negara. Setiap negara mempunyai badan yang khusus untuk integriti seperti yang ada di Malaysia iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya integriti bagi sesebuah negara. Jika tiada integriti dalam diri anak bangsa, kehidupan akan penuh dengan pengkhianatan dan saling bermusuhan antara satu sama lain. Habibie dalam filem ini menunjukkan betapa dia tidak akan sesekali mengkhianati negara dia sendiri. Berdasarkan filem ini, Habibie seringkali ditawarkan duit dan harta benda supaya dia membelakangi negaranya demi harta. Namun Habibie tetap dengan sikap integritinya dan pentingkan diri tidak ada dalam kamus hidup Habibie.

*Habibie memulangkan kembali jam tangan yang dapat daripada pak Hadi..*

*Habibie: "Pak Hadi begini, kalau kamu mahu mengikuti sesuatu, anda bisa mengaju saya proposal, kalau mahu ikut projek, ya anda bisa ikut tender that's how it is. That's the procedure!"*

(Habibie & Ainun, 2012, 1:0:55)

#### 4.1.2.2 Cara Penyampaian Dalam Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

##### a) Keindahan Dialek Dan Penggunaan Bahasa Dalam Dialog

Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), dialek merupakan satu bentuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam satu daerah, tempat atau negeri (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 922). Kehidupan dalam sesuatu masyarakat lebih unik dan berbeza dengan penggunaan dialek oleh masyarakat. Dialek menjadi identiti bagi sesebuah bangsa atau negara. Bahasa Melayu merupakan sebuah bahasa yang mempunyai kepelbagaiannya daripada sudut dialeknya seperti dialek Kelantan, dialek Minang dan dialek Utara. Penggunaan bahasa juga memainkan peranan penting dalam menilai tahap estetika dalam satu penyampaian. Penggunaan bahasa yang baik menghasilkan satu penyampaian yang difahami dan sedap di telinga apabila didengar. Dialek dan penggunaan bahasa yang baik merupakan satu keindahan dalam bahasa yang menjadikan sebuah dialog lebih berseni dan dapat menggambarkan sebuah estetik bahasa. Menurut Gilbert K. Chesterton (n.d), “Kesemua dialek adalah satu metafora dan semua metafora adalah satu puisi.”

###### i) Komunikasi dalam dialek minang

Perbualan atau dialog dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ini didominasi dengan penggunaan dialek Minang. Dialek minang atau bahaso Minangkabau merupakan sebuah dialek yang digunakan oleh masyarakat berbangsa minang khususnya di Sumatera Barat, Indonesia. Penggunaan dialek minang menjadi kebanggaan masyarakat minang kerana sikap masyarakat minang yang mempunyai sifat kesukuan yang tinggi. Watak Datuk Penghulu Adat merupakan antara watak yang menggunakan dialek minang yang pekat dan teratur bahasanya. Dialek yang disampaikan menghasilkan satu perasaan kagum akan keindahan bahasanya yang meningkatkan nilai estetika bagi filem tersebut.

*“Tidakkah kau tahu?, Gunung Merapi masih berdiri tegak kokoh menjulang”*

*(Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 0:19:15)*

###### ii) Penggunaan bahasa yang indah

Penggunaan bahasa merupakan sebuah cara untuk menyampaikan satu dialog dengan cara yang lebih indah dan sempurna. Tanpa penggunaan bahasa yang baik dalam satu penyampaian, sebuah dialog akan terasa lebih kosong dan hambar. Penggunaan bahasa yang baik dan indah bergantung kepada penulis skrip yang mahir dalam penggunaan sesebuah bahasa. Penggunaan bahasa yang baik juga bergantung kepada pelakon yang memainkan watak tersebut supaya dialog yang dilontarkan lebih semulajadi dan sempurna. Penggunaan bahasa yang baik merangkumi susunatur dialog yang tepat, penggunaan peribahasa dan tidak berlebihan dalam perbualan.

Penggunaan bahasa dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck dipuji oleh kebanyakan pengkritik filem kerana ia berjaya dilaksanakan dengan sempurna dan baik.

*"Adat masih berdiri kuat, tak lapuk oleh hujan tak akan lekang oleh panas"*

(Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 0:19:19)

### b) Kisah Cinta Di Antara Zainuddin dan Hayati

Kisah cinta di antara Zainuddin dan Hayati merupakan apa yang filem ini berkisarkan.

Kisah cinta mereka berdua menjadi perkara yang dominan sepanjang perjalanan filem ini. Percintaan yang mengalami turun naik di antara Zainuddin dan Hayati diselitkan dengan beberapa konflik yang membuatkan kisah cinta mereka berdua lebih mencabar dan tidak tenteram. Perwatakan yang dibawa oleh dua watak tersebut sangat memberikan kesan yang mendalam kepada penonton. Perasaan cinta yang hebat Zainuddin kepada Hayati sehingga membuatkan Zainuddin menjadi separuh gila kerana Hayati mengahwini orang lain. Manakala perasaan cinta yang tulus Hayati kepada Zainuddin sehingga membuatkan Hayati sering ditindas kerana dirinya lemah dan tidak berupaya untuk menentang.

#### i) Percintaan yang penuh dengan dugaan dan halangan

Jika dihayati dan ditelusuri keseluruhan filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck tersebut membuatkan kita tersentuh akan begitu banyak dugaan yang perlu ditempuhi oleh Zainuddin dan Hayati. Hal itu membuatkan filem tersebut layak dikategorikan sebagai sebuah filem yang berestetika yang tinggi. Hal ini demikian kerana menurut Mana Sikana (2021), komponen seperti unsur dilemma, kejutan, krisis dalam satu plot, tema dan perwatakan akan menghasilkan sebuah penciptaan yang harmonis dengan menggunakan teknik yang unik dan mengimplementasikan aplikasi segala unsur dengan sempurna. Tema percintaan yang diceritakan melalui filem tersebut berjaya menyampaikan nilai keindahan kepada penonton.

*Jangan pernah bersedih. Janganlah putus asa. Cinta itu bukan memakan hati, bukan membawa tangis, bukan membuat putus asa. Tetapi cinta itu menguatkan hati, menghidupkan pengharapan.*

(*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 0:22:33*)

### **ii) Sikap misogini terhadap Hayati**


Menurut Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka, misogini membawa erti perasaan benci terhadap wanita terutamanya daripada lelaki (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 2776). Walaupun pada awal dan pengakhiran filem tersebut diceritakan mengenai percintaan yang suci dan ikhlas yang ditampilkan oleh Zainuddin, Hayati tidak terkecuali daripada terkena tempias sikap misogininya Zainuddin terhadapnya. Hal ini merujuk kepada setelah Zainuddin telah ditolak cintanya oleh keluarga Hayati, sikap misogininya Zainuddin semakin membuka-bukaan dan menebal dalam dirinya. Perasaan tersebut merupakan sebuah perasaan semulajadi yang dihasilkan oleh seseorang apabila seseorang tersebut membuatkan hatinya hancur berkecaci. Hal ini membuatkan penonton faham dan dapat menghayati sikapnya Zainuddin terhadap Hayati. Oleh itu, nilai estetika dalam filem tersebut dapat dikenalpasti kerana walaupun sikap misoginis adalah sebuah sikap yang negatif, namun bagaimana Zainuddin menangkis sikap misoginis untuk kembali kepada Hayati masih membawa kepada perasaan yang seronok dan gembira kepada penonton.

*Demikianlah perempuan, ia hanya ingat kekejaman orang kepada dirinya walau pun kecil dan ia lupa kekejamannya sendiri pada orang lain padahal begitu besarnya.*

(*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 2:05:09*)

#### 4.3 Hubungan Antara Skrip Dan Estetika Dalam Filem Adaptasi Berdasarkan Teori Estetika Bersepada

Skrip merupakan sebuah bahan tulisan yang berperanan sebagai sebuah panduan bagi pemain watak tersebut untuk menjalankan jalan cerita yang telah ditetapkan. Jalan cerita dalam skrip telah ditulis dengan rapi bagi memastikan pemain watak dapat menghayati watak yang diberi. Untuk menghayati watak yang diberi, skrip haruslah mempunyai tahap estetika yang sesuai bagi memastikan pemain watak tersebut dapat menghayati isi-isi skrip tersebut lalu. Sejauh mana kekuatan bagi hubungan antara skrip dan estetika adalah terletak di mata pena penulis skrip tersebut. Penulis skrip memainkan peranan yang sangat penting bagi memasukkan sebanyak mana yang diperlukan dalam memastikan tahap estetika yang tepat dapat diperoleh dalam penulisan skrip tersebut. Rajah 5 menunjukkan model pembuatan drama moden daripada Ummi Hani Abu Hassan dalam tesisnya yang bertajuk “drama dakwah di Malaysia: kajian tentang proses penulisan skrip” yang mempunyai persamaan yang besar dalam pembuatan filem moden di Malaysia.



**Rajah 2: Model Pembuatan Drama/Filem Moden Ummi Hani Abu Hassan**

(Sumber: Ummi Hani Abu Hassan, 2011, Drama Dakwah Di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip)

Rajah berikut menunjukkan penulis skrip berada di hadapan sekali dalam proses pembuatan drama/filem. Penulis menghasilkan sebuah cerita yang lengkap dan mengandungi komponen seperti dialog dan arahan yang kemudiannya diinterpretasikan kepada pengarah lalu kepada pelakon. Setelah diserahkan kepada pengarah, pihak pengarahan mempunyai kuasa penuh bagi mengubah atau menambah apa yang perlu bagi menampakkan kesan yang efektif dalam pembuatan drama/filem (Ummi Hani Abu Hassan, 2011). Namun unsur estetika perlu dikekalkan bahkan boleh ditambah kerana unsur estetika amat diperlukan kerana estetika dapat memastikan penghayatan dapat dipenuhi berdasarkan model pembuatan drama/filem tersebut. Unsur estetika dalam skrip terdiri daripada pelbagai keindahan atau kecantikan seperti perasaan, tutur kata, cara penyampaian, gaya bahasa dan sebagainya. Oleh itu, estetika merupakan suatu perkara yang sangat kritikal bagi menentukan kekuatan bagi sesebuah skrip. Keindahan dalam menjaditumpuan utama bagi objektif ini bagi menganalisis hubungan di antara skrip dan estetika.

## Keindahan Dalaman

Keindahan dalaman merupakan teras yang kedua di dalam cabang teori estetika bersepadau. Secara ringkasnya keindahan dalaman merangkumi apa yang tersirat di sebalik apa yang dipersembahkan oleh pengkarya. Hal ini termasuklah perkara seperti mesej, nilai dan pengajaran. Seperti yang diketahui umum, pengkarya filem tidak memberikan satu mesej secara terang terangan dalam karya mereka. Mereka sekadar menyelitkan mesej itu disebalik perkara-perkara yang tersurat dan penonton perlulah bijak dalam mencari dan memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengkarya supaya penonton dapat menghayati sesebuah karya tersebut. Penghayatan merupakan sebuah perkara yang menjadi perkara pertama yang dapat dinilai. Penghayatan merupakan sebuah perkara yang perlu dilakukan oleh kesemua pihak seperti penulis skrip, pelakon dan juga penonton supaya sebuah karya tersebut menepati tahap estetika dan berjaya menyampaikan mesej yang ingin disampaikan. Walaupun filem yang dikaji adalah sebuah filem adaptasi yang merupakan idea asal dan buah pemikiran daripada penulis novel tersebut namun, pengkarya filem juga memainkan peranan penting bagi menyampaikan mesej, emosi dan pemikiran.

Terdapat dua sudut pandang dalam keindahan dalaman yang dijadikan sebagai tumpuan utama bagi kajian ini. Sudut pandang yang pertama adalah kebenaran daripada sudut agama Islam. Agama Islam merupakan sebuah agama yang memfokuskan amalan-amalan rohani bagi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Manakala sudut pandang yang kedua adalah kebenaran daripada sudut realiti. Sudut realiti merupakan perkara yang terjadi dan berlaku di dunia sebenar dan ia merupakan suatu fitrah manusia untuk menjalani hidup yang telah ditetapkan sejak azali lagi. Dua sudut pandang tersebut menghasilkan suatu pandangan estetika yang mana ia dapat menghasilkan sebuah karya yang bermutu dan mempunyai tahap keindahannya tersendiri. Sudut realiti dan agama Islam saling berhubung antara satu sama lain kerana Allah S.W.T yang melahirkan realiti yang dihadapi pada masa kini. Penyataan tersebut sesuai dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah (1:117) yang bermaksud:

*“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahanya); dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” Lalu menjadilah ia.”*

### a) Kebenaran daripada sudut agama Islam dan daripada sudut realiti

Agama Islam merupakan antara agama yang paling lama bertapak dalam dunia ini. Islam dibawa oleh Rasulullah S.A.W atas perintah Allah untuk disebarluaskan kepada sekalian umat manusia. Islam membawa maksud berserah diri, selamat dan sejahtera (*Sejarah Agama Islam Lengkap - DalamIslam.com*, 2016). Hal ini bertepatan dengan petikan daripada surah Al-Imran (3:19) yang bermaksud

*“Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredayai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerima) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah mengenai kebenarannya; semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka.”*

Kebenaran yang terdapat dalam isi-isi agama Islam tidak dapat disangkal lagi kerana terdapat banyak bukti-bukti bahawa agama Islam itu adalah benar seperti kitab suci Al-Quran, Al-Hadis dan sebagainya. Hal ini tepatlah bahawa jika ingin bersandarkan sesuatu kebenaran kepada agama Islam, kerana agama Islam itu sendiri adalah sebuah agama kebenaran. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 419), kebenaran membawa maksud perihal yang benar dan jika difahami secara terperinci, kebenaran ini adalah apabila kita menyetujui atau mengakui tentang suatu perkara. Hal ini membawa kepada sesuatu kebenaran yang dapat dipersetujui dan diperakui oleh ramai pihak.

Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai manusia yang berlainan pemikiran, mencari kebenaran bukanlah suatu perkara yang utama, tetapi menyelesaikan konflik merupakan perkara yang perlu dicari terlebih dahulu (Haapasalo et al. 2000: 13). Penghasilan sebuah filem bukanlah untuk mencari kebenaran atau untuk berada di pihak yang benar kerana kebenaran itu merupakan suatu perkara yang subjektif dan sesiapa sahaja boleh berada di pihak yang benar. Akan tetapi penghasilan filem adalah dengan tujuan untuk menyelesaikan konflik yang melekat dalam kalangan masyarakat sekian lama. Hal ini tepatlah bahawa pemilihan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun* menepati apa yang ingin dikaji dalam bab ini. *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* berkisarkan mengenai konflik budaya yang diketengahkan oleh idea asal karya tersebut iaitu Buya Hamka dan digubah dengan sempurna oleh pengarah filem tersebut iaitu Sunil Soraya. Manakala pengarah filem Habibie dan Ainun iaitu Faozan Rizal menggarap memoir yang ditulis oleh B.J.Habibie untuk mengetengahkan konflik politik dalam filem tersebut. Hal ini sesuai dengan pandangan daripada Francesco Casetti (1999:25), Hasilkan satu cerita yang hampir sama dengan realiti dan hasilkan semula realiti dalam bentuk cerita.

Kebenaran daripada sudut realiti membawa kita kepada dunia yang nyata. Dunia realiti merupakan sebuah dunia yang kita hidup dan menjalani apa yang difitrahkan kepada manusia. Dunia realiti merangkumi kesemua yang berlaku dalam dunia nyata seperti kehidupan berbudaya, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Kehidupan realiti penuh dengan penuh dengan pelbagai ujian, dugaan dan pancaroba yang perlu dihadapi oleh setiap manusia di bumi ini. Kehidupan yang penuh dengan perkara tersebut telah ditetapkan oleh Allah S.W.T berdasarkan surah Al-Balad (90:4) yang bermaksud:

*“Sungguh, Kami telah menciptakan manusia berada dalam susah payah”*

Oleh itu, pengkarya filem cuba menghasilkan sebuah karya yang berkait dengan realiti sebenar kehidupan masyarakat supaya masyarakat lebih tenang dan bersedia menghadapi realiti yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kehidupan realiti yang dipaparkan melalui filem merupakan hasil pemerhatian oleh pengkarya terhadap dunia realiti yang dihadapinya atau yang diperhatikannya. Filem adalah satu medium yang dihasilkan manusia bagi memaparkan realiti yang terjadi dan setiap manusia boleh mengambil input dan pengajaran daripada filem tersebut untuk diadaptasikan kepada dunia sebenar. Tuntasnya, kebenaran daripada sudut agama dan realiti dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan Habibie & Ainun dikupas dengan teliti bagi menghasilkan sebuah kajian yang lengkap.

#### **4.3.1 Analisis Filem Adaptasi *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck***

Filem yang ditayangkan pada tahun 2014 ini merupakan sebuah filem yang diadaptasikan daripada sebuah novel terkenal karya Buya Hamka yang juga bertajuk *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Filem ini mengisahkan mengenai Zainuddin yang berhijrah ke kampung ayah beliau iaitu di Padang. Zainuddin merupakan seorang lelaki yang tidak bersuku atau digelar sebagai seorang yang tidak diketahui asal usulnya. Kehadiran Zainuddin di Padang disambut dengan baik oleh keluarga ayahnya dan orang-orang kampung. Setelah Zainuddin menetap di Padang, Zainuddin bertemu dengan seorang gadis jelita yang bernama Hayati. Niat di hati Zainuddin adalah untuk memperisterikan Hayati dan Hayati juga ingin menikahi Zainuddin. Namun adat dan budaya menjadi penghalang bagi cinta mereka berdua dan keluarga Hayati juga menentang pernikahannya dengan Zainuddin kerana lelaki tersebut tidak bersuku dan tidak punya harta apa-apa. Setelah itu, pelbagai penceritaan mengenai percintaan dan budaya yang menjadikan filem tersebut sesuai untuk dijadikan bahan utama kajian ini. Terdapat dua bahagian yang ingin disentuh dalam filem ini iaitu kebenaran daripada sudut agama dan kebenaran daripada sudut realiti.

#### 4.3.1.1 Kebenaran Daripada Sudut Agama Islam

Kebenaran daripada sudut agama Islam merupakan sebuah perkara yang berada di bawah konteks keindahan dalaman yang perlu dikaji bagi menganalisis hubungan di antara estetika dan skrip dalam filem tersebut. Agama Islam merupakan suatu perkara yang sering dikenakan dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Pada permulaan cerita telah diceritakan mengenai tujuan utama Zainuddin berhijrah ke Padang adalah untuk mempelajari dan mendalaminya ilmu agama Islam dan Zainuddin sendiri adalah seorang yang berpegang teguh kepada agama Islam daripada sudut kelembutan tutur bicara, penyerahan dirinya kepada Allah dan menghormati orang tua. Kebenaran daripada sudut agama Islam adalah dengan tujuan untuk menjadikan ajaran Islam yang benar sebagai mesej utama yang disampaikan oleh pengkarya. Namun dalam konteks keindahan dalaman, mesej yang disampaikan tidak hadir daripada tutur kata dan penulisan secara terus semata-mata kerana ia memerlukan pemahaman dan penghayatan yang tinggi untuk memahami dan menghayati mesej yang tersirat yang disampaikan dalam filem tersebut. Terdapat beberapa mesej dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck yang membuatkan filem tersebut mengandungi kebenaran daripada sudut agama Islam.

##### i) Kehidupan Asabiyah Yang Menjadi Budaya Wajib Bagi Sesebuah Suku

Amalan asabiyah merupakan perkara yang diamalkan oleh puak atau suku dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Puak atau suku Minang yang terdapat dalam filem tersebut merupakan sebuah suku yang mengamalkan semangat asabiyah yang menebal dalam kalangan mereka. Suku Minang tersebut mengamalkan perkara-perkara seperti musyawarah untuk membuat keputusan yang berkepentingan dan lebih mementingkan adat daripada segalanya dengan menolak segala keputusan yang membela kangkan suku tersebut. Berdasarkan filem tersebut, suku tersebut menentang percintaan di antara Zainuddin dan Hayati kerana status Zainuddin yang tidak bersuku. Walaupun musyawarah dilakukan namun ia langsung tidak memihak kepada mereka berdua kerana kesemua keputusan hanya terletak kepada Datuk Penghulu Adat dan penasihat-penasihat mereka.

*“kau itu kebanggaan keluarga. Zainuddin itu tidak bersuku! Bikin malu saja! Menjatuhkan nama besar, merusak Ninik-Mamak, merusak korong kampung... meruntuhkan rumah tangga dan mencemarkan kampung halaman. Tidakkah kau tahu Gunung Merapi masih berdiri tegak kokoh menjulang. Adat masih berdiri kuat. Tak lapuk oleh hujan tak akan lekang oleh panas.”*

(Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 0:19:06)

Jika dihayati dan difahami dengan teliti akan senario yang digambarkan dalam filem tersebut, dapat disimpulkan bahawa, pengkarya filem menekankan aspek asabiyyah dalam filem tersebut untuk menjadi tatapan umum akan akibat dan kesan pengamalan asabiyyah yang merupakan amalan yang sangat ditegah dalam agama Islam. Jika menonton filem tersebut, tidak ada satu babak yang menyatakan bahawa adalah satu kesalahan untuk mengamalkan amalan tersebut. Namun ia disulami dengan babak yang membuatkan penonton terkesan dan mengambil iktibar daripada babak asabiyyah yang digambarkan dalam filem tersebut.

### **ii) Berserah Kepada Allah Dalam Semua Perkara**

Berserah diri kepada Allah merupakan satu ibadat yang sangat dituntut untuk mendekatkan diri kepada Allah. Berserah diri kepada Allah atau kata lainnya adalah tawakkal merupakan sebuah tindakan jiwa yang menyerahkan hati kepada Allah untuk meraih sesuatu atau menolak mudarat. Berserah diri kepada Allah adalah dimulakan dengan membenarkan dalam hati bahawa Allah lah yang memiliki alam ini dan Allah jualah yang mampu menjadikan sesuatu mengikut kehendakNya. Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Imran (3:122) bermaksud

*“..dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakkal”*

Dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, unsur berserah kepada Allah merupakan sebuah perkara yang dapat dihayati jika menonton filem tersebut. Watak Zainuddin dan Hayati yang sering dirundung malang dan ujian membuatkan mereka lebih tabah dalam menghadapi setiap yang mendatang. Walaupun setiap yang terjadi bukan seperti yang mereka inginkan namun mereka tetap sabar dan terus meneruskan kehidupan mereka seperti biasa dan walaupun mereka pernah jatuh terduduk, mereka bangkit dan menjalani kehidupan dengan sabar dan dalam penuh keredhaan.

*“Hati saya dipenuhi cinta kepada kau. Dan biar Tuhan mendengarkan bahwa engkaulah Zainudin yang akan menjadi suamiku kelak, bila tidak di dunia, kau lah suamiku di akhirat”*

*(Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, 2013, 0:23:39)*

Kata-kata daripada Hayati tersebut merupakan sebuah bentuk penyerahan kepada Allah yang menjadi bukti bahawa Hayati mempercayai dalam hati yang Allah adalah Tuhan yang maha mengetahui dan sudah menentukan takdir bagi hamba-hambaNya. Kata-kata tersebut merupakan sebuah kata-kata yang memenuhi tahap estetika dari sudut keindahan dalam kerana ia menggambarkan satu mesej yang tersirat bahawa setiap yang berlaku samada baik atau buruk, kita perlulah berharap sepenuhnya kepada Allah setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Setelah itu, lahirlah kesenangan atau ketenangan dalam hati dan itulah yang dikatakan unsur estetika dalam sebuah kata-kata.

#### 4.3.1.2 Kebenaran Daripada Sudut Realiti

Kebenaran daripada sudut realiti merupakan sebuah gambaran mengenai apa yang berlaku dalam dunia nyata. *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* merupakan sebuah filem yang mengetengahkan konflik yang berlaku di dunia nyata seperti perkahwinan paksa, beradat secara ekstrem dan penindasan. Kita dapat lihat bagaimana Zainuddin seorang yang sangat baik dan berhati ikhlas ditindas oleh kaum kerabat Hayati hanya kerana Zainuddin tidak bersuku dan tidak mempunyai harta. Senario tersebut sememangnya berlaku di dunia nyata kerana suku Minang amat mementingkan adat dan berpegang teguh kepada pepatah ‘biar mati anak, jangan mati adat’. Pawagam (filem) merupakan sebuah bayangan kepada masyarakat dan ia mempunyai sebuah kemampuan sebagai cermin, bukan sahaja untuk menunjukkan masalah tetapi ia juga mampu memberi penyelesaian terhadap sesuatu perkara. (Kirti Kulhari, 2022). Pandangan daripada Kirti Kulhari tersebut menguatkan lagi justifikasi bahawa tujuan penghasilan sebuah filem adalah sebagai cerminan mengenai apa yang berlaku dalam dunia sebenar.

Kehidupan masyarakat bersuku sememangnya dijadikan sebagai teras utama dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* tersebut kerana latar masyarakat bagi filem tersebut adalah berlatarkan masyarakat Minang yang sememangnya terkenal dengan kehidupan bersuku yang kuat. Latar masyarakat yang sememangnya hidup dalam kaedaan bersuku dikuatkan lagi dengan kehadiran watak-watak seperti Datuk Penghulu Adat yang sememangnya sangat tegas atas setiap keputusan. Terdapat beberapa kaedaan yang berlaku dalam filem tersebut yang terjadi dalam dunia sebenar.

##### i) Perkahwinan Yang Ditetapkan Oleh Ahli Keluarga

Perkahwinan merupakan sebuah lumrah bagi manusia biasa. Manusia difitrahkan mempunyai perasaan cinta dan manusia boleh menyukai seseorang tanpa batas. Perasaan cinta merupakan sebuah perasaan yang tidak boleh dipaksa dan ditolak. Jika seseorang lelaki menyintai seorang wanita dan wanita itu juga menyintai lelaki itu maka mereka boleh berkahwin dan menjalani bahtera perkahwinan yang suci. Berdasarkan surah An Najm (53:45), Allah S.W.T berfirman:

*“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan”*

Berdasarkan firman Allah S.W.T tersebut, maka benarlah bahawa manusia sememangnya diciptakan untuk berpasang-pasangan atau dalam erti kata lainnya berkahwin. Perkahwinan seharusnya terjadi apabila seseorang bersetuju dan rela hati untuk dipasangkan dengan seseorang. Namun jika dia tidak rela dan berkahwin atas dasar terpaksa ia dinamakan sebagai perkahwinan paksa.

Perkahwinan paksa merupakan sebuah bentuk perkahwinan yang dipasangkan oleh pihak ketiga dalam kaedaan tidak mendapatkan persetujuan oleh kedua mempelai. Perkahwinan paksa merupakan sebuah perkara yang berlaku dalam sesebuah budaya di serata dunia tanpa mengira peringkat umur dan yang kaya atau yang miskin. Perkahwinan paksa mendapat perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan tersebut mengeluarkan sebuah kenyataan seperti “perkahwinan paksa adalah satu bentuk pelanggaran hak asasi manusia dan perkahwinan seharusnya mendapatkan persetujuan secara rela hati tanpa paksaan” (Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Artikel 16 (2). Perkahwinan paksa ditonjolakn dengan jelas dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang membuatkan suku minang dilihat oleh penonton sebagai sebuah suku yang terlalu taksub dengan adat dan budaya mereka.

Datuk Penghulu Adat merupakan antara salah seorang yang lantang dalam memperjuangkan adat yang telah diamalkan oleh suku mereka sejak sekian lama. Datuk Penghulu Adat dan penasihat-penasihat serta ahli-ahli lain sering menjalankan musyawarah atau dengan erti kata lain bermesyuarat untuk mendapatkan suatu keputusan untuk suku tersebut. Kehidupan bersuku tersebut merupakan sebuah amalan yang diturunkan daripada nenek moyang mereka dan menjadi suatu budaya yang kekal seperti ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’. Ketaksuhan mereka terhadap adat mereka adalah berada di tahap yang tidak munasabah sehingga mereka sanggup membunuh demi mempertahankan adat mereka seperti yang dicakap oleh penasihat Datuk Penghulu Adat iaitu Sutan Mudo “ kita suruh para preman untuk menhabisinya. (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, 2013, 0:17:30) Hal ini menunjukkan ketaksuhan mereka terhadap adat yang diamalkan. Berbalik kepada isu perkahwinan paksa, Datuk Penghulu Adat merupakan seorang ‘mastermind’ dalam membuat keputusan jika ada ahli keluarga mereka ingin bernikah. Mereka boleh berkahwin jika mendapat persetujuan oleh Datuk Penghulu Adat dan para penasihat beliau. Namun jika perkahwinan tersebut tidak dipersetujui oleh Datuk Penghulu Adat, beliau akan menikahkan mengikut apa yang dipersujui oleh Datuk Penghulu Adat sahaja.

*“Sudah datang orang yang akan meminangmu, si Aziz dari Padang Panjang. Lalu datang pula sepucuk surat dari Zainuddin. Setelah kami timbang baik buruknya.. Aziz telah kami terima untuk menjadi suamimu. Keputusan kami telah bulat, supaya kau terima dengan hati yang berbahagia..”*

(*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, 2013, 0:49:34)

KELANTAN

Datuk Penghulu Adat secara terang tersiratnya memaksa Hayati untuk bersetuju menikah dengan Aziz walaupun beliau mengatakan “supaya kau terima dengan hati yang berbahagia” (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, 2013, 0:49:34). Nada dan intonasi beliau sangat tegas dan memaksa agar Hayati tunduk akan beliau. Walaupun Hayati ingin berkahwin dengan Zainuddin, sesungguhnya Datuk Penghulu Adat membangkangsekeras-kerasnya Hayati untuk bernikah dengan seseorang yang tidak bersuku kerana beliau sudah terasuk oleh adat dan budaya mereka. Walaupun Hayati berat hati, namun Hayati tetap rela menikahi Aziz dengan perasaan terpaksa kerana takut dengan ugutan Datuk Penghulu Adat. Kesan daripada kata-kata Datuk Penghulu Adat tersebut membuatkan penonton akan terpana dan takut akan perkahwinan paksa. Hal ini jelaslah bahawa mesej yang disampaikan menusuk di hati penonton dan penonton seperti pengkajisendiri berasa tidak wajar untuk mengamalkan perkahwinan paksa pada masa kini.

#### **ii) Sikap Seksisme Terhadap Wanita**

Seksisme merupakan salah satu sikap yang dimiliki oleh kebanyakan orang dari dulu hingga sekarang. Seksisme menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka adalah satu sikap memandang rendah, diskriminasi yang berdasarkan jantina terutamanya terhadap kaum wanita (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 3784). Seksisme berlaku dalam dunia nyata kerana kita hidup dalam dunia yang mempunyai dua jantina yang berbeza iaitu lelaki dan perempuan. Menurut sebuah artikel yang bertajuk ‘UN study finds almost 90% of men and women are biased against women’ Seksisme biasanya berlaku terhadap wanita kerana menurut satu kajian daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hampir 90% sama ada lelaki atau perempuan mempunyai sikap prejudis, diskriminasi, memandang rendah terhadap perempuan (Merelli, 2020). Peratus tersebut menunjukkan bahawa wanita yang lebih terkesan dalam dunia seksisme ini. Seksisme inimerangkumi perkara-perkara seperti memandang seorang perempuan atau lelaki dalam bentuk seksual, bercakap lucu tentang jantina seseorang, menganggap lelaki semestinya kuat atau menganggap perempuan sebagai lemah.

Seksisme merupakan suatu perkara yang berlaku dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Filem ini menggambarkan suatu jurang perbezaan yang tinggi di antara lelaki dan perempuan. Watak lelaki dalam filem tersebut mempunyai ciri-ciri sebagai pemimpin, kuat, berdikari dan kaya. Manakala watak wanita dalam filem tersebut mempunyai karakter yang lemah, mudah ditindas dan bodoh. Watak utama dalam filem tersebut iaitu Zainuddin merupakan seorang lelaki yang berdikari, kaya dan baik hati. Watak Datuk Penghulu Adat pula adalah seorang pemimpin yang berkaliber dan berkarisma tinggi.

Manakala watak Aziz merupakan seorang yang kaya, budiman dan lahir daripada keluarga yang bagus-bagus. Watak wanita pula adalah berciri lemah, mudah ditindas dan tidak berdiri dengan keputusannya sendiri seperti watak Hayati. Hayati merupakan seorang wanita yang sering ditimpa pelbagai dugaan yang berpunca daripada kaum lelaki. Dimulakan dengan ditindas oleh bapanya sendiri iaitu Datuk Penghulu Adat sepetidipaksa berkahwin dengan bukan pilihannya dan menuduh Hayati menentang adat kerana ingin berkahwin dengan seorang yang tidak bersuku. Kemudian Hayati terus dirudung malang kali ini dengan Aziz apabila setelah berkahwin dengan Aziz, Hayati menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Akhir sekali, Hayati terus dilanda dugaan apabila dilemparkan kata-kata nista kepadanya oleh Zainuddin.

*“Demikianlah perempuan, ia hanya ingat kekejaman orang kepada dirinya walau pun kecil dan ia lupa kekejamannya sendiri pada orang lain padahal begitu besarnya.”*

(*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, 2013, 2:05:09)

Kata-kata nista yang menjadi kepuasan bagi para lelaki tetapi bagi perempuan ia bagi tertusuk hati mendengarkan kata-kata yang bersifat seksis tersebut. Jika dihayati dan difahami, jalan cerita filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* bersikap seksisme terhadap kaum wanita kerana dominannya lelaki dalam filem tersebut tetapi bukan dominan dalam bentuk baik namun dominan dalam bentuk tingginya watak lelaki yang ‘superior’ sehingga tidak boleh ditundukkan. Kata-kata yang dilemparkan oleh watak lelaki dalam filem tersebut merupakan suatu yang pahit ditelan namun ia menepati tahap estetika dalam konteks keindahan dalaman kerana ia menampilkan realiti yang berlaku di dunia nyata dalam filem tersebut.

#### 4.3.2 Analisis Filem Adaptasi Habibie & Ainun

Habibie & Ainun merupakan sebuah filem yang keluar pada tahun 2012 dan diarahkan oleh Faozan Rizal dan Hanung Bramantyo. Filem tersebut merupakan sebuah adaptasi daripada memoir yang ditulis oleh B.J.Habibie. Memoir tersebut mengisahkan mengenai isteri kepada B.J.Habibie iaitu Hasri Ainun Habibie. Kisah mereka berdua mengenai perjalanan mereka dalam melayari bahtera perkahwinan sehingga Hasri Ainun Habibie menghembus nafas yang terakhir. Filem tersebut mengisahkan mengenai Habibie seorang jurutera yang melanjutkan pelajarannya di Jerman. Beliau merupakan seorang jurutera yang sangat genius sehingga mendapat pengiktirafan daripada professor-professor di Universiti Aachen kerana menghasilkan satu projek besar tanpa ada masalah. Ainun pula merupakan lepasan universiti dalam jurusan kedoktoran yang tinggal di Bandung.

Mereka merupakan kenalan dari zaman persekolahan dan akhirnya mereka bertemu semula di rumah Ainun pada tahun 1962. Mereka akhirnya berkahwin dan berhijrah ke Aachen, Jerman. Kemudian Habibie mendapat tawaran untuk menabur bakti kepada tanah airnya iaitu Indonesia dan berhijrah semula ke Indonesia dan kemuncak bagi filem ini adalah Habibie dilantik menjadi Presiden Indonesia. Terdapat banyak kebenaran yang tersurat terdapat menerusi filem ini. Namun apa yang ingin disentuh adalah mesej yang tersirat dalam konteks keindahan dalaman.

#### a) Kebenaran Daripada Sudut Agama Islam

Agama Islam merupakan sebuah agama yang suci. Agama Islam menerapkan nilai-nilai murni dalam diri umat-umat Islam kerana maksud perkataan Islam itu sendiri yang membawa maksud kesejahteraan. Terdapat banyak nilai murni yang boleh dipelajari daripada Habibie dan Ainun kerana jalan ceritanya yang berbentuk positif dan menerapkan nilai-nilai Islam di dalamnya.

##### i) Sifat Wajib Bagi Rasul Allah Diterapkan Dalam Seorang Pemimpin

Terdapat empat sifat wajib bagi Rasul Allah iaitu Amanah, Fathonah, Siddiq dan Tabligh. Sifat-sifat wajib tersebut merupakan sebuah sifat yang menjadi perentu akan layaknya seseorang untuk menjadi pemimpin yang baik kepada ummah. Sifat-sifat tersebut dikurniakan oleh Allah SWT kepada RasulNya untuk dijadikan teladan dan contoh kepada hamba-hambaNya.

###### 1) Amanah

Amanah bererti seorang yang dapat dipercayai (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 110). Rasul adalah utusan Yang Maha Esa yang diberikan satu amanah yang besar untuk memimpin umatnya ke jalan yang sebenar. Amanah merupakan satu perkara yang sangat berat untuk dilakukan oleh manusia biasa. Imam Ghazali menyatakan bahawa “yang paling berat di dunia adalah memegang amanah.” Hal ini menunjukkan betapa amanah adalah satu perkara yang sangat susah dilakukan oleh manusia biasa kerana kemampuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia adalah terbatas. Sifat amanah cuba diterapkan dalam filem Habibie & Ainun melalui watak pemimpin iaitu Habibie. Habibie merupakan seorang yang amanah kerana beliau menjalankan tugasnya dengan baik serta beliau juga boleh dipercayai. Berdasarkan filem tersebut, pada ketika beliau menjadi ketua bagi projek pesawat pertama Indonesia ramai pihak mempercayai Habibie untuk menerbangkan pesawat pertama Indonesia dan Habibie menggalas amanah tersebut dengan tekun sehingga dapat menerbangkan pesawat pertama Indonesia tersebut.

*Dalam pejabat Presiden Soeharto..*

*Soeharto: Jadi kapan saya bisa menyaksikan penerbangan pesawat pertamamu.*

*Habibie: Segera.*

*(Habibie & Ainun, 2012, 52:07)*

## **2) Fathonah**

Fathonah adalah perkataan arab yang membawa maksud bijaksana. Bijaksana membawa maksud arif pandai dan berhati-hati (Kamus Dewan Edisi Keempat). Seorang pemimpin haruslah seorang yang pandai dalam beberapa aspek untuk melayakkannya sebagai pemimpin kerana pemimpin haruslah seorang yang berfikiran wajar, rasional dan optimistik. Seorang pemimpin yang bijaksana dapat melahirkan sebuah negara yang membangun dan berdaya saing. Habibie merupakan seorang yang bijaksana hasil daripada usaha keras beliau untuk terus mempelajari dan mendidik. Bijaksananya Habibie sebagai seorang pemimpin adalah kerana beliau sanggup memerah otaknya dalam menyelesaikan suatu masalah.

*Ainun: sudah beberapa bulan ini kamu tidurnya cuma satu jam*

*Habibie: tapi saya harus buat analisa penting ma...ini saya harus selesaikan, saya harus menemukan solusinya. Tidak bisa ditunda*

*(Habibie & Ainun, 2012, 1:24:14)*

## **3) Siddiq**

Siddiq merupakan salah satu sifat yang bermaksud benar dalam tutur kata dan tingkah lakunya. Pemimpin yang baik haruslah seorang pemimpin yang bersifat telus dan tidak berdusta dalam tutur kata dan tingkah lakunya. Pemimpin yang selalu berdusta akan membawa kehancuran kepada negaranya. Sabda Nabi S.A.W:

*"Sesungguhnya akan ada setelahku para pemimpin yang berbuat pendustaan dan kezaliman. Barangsiapa mendatangi mereka kemudian membenarkan pembohongan mereka, atau membantumereka dalam kezalimannya, maka ia bukan dari golonganku dan aku bukan dari golongannya..."*

*(HR Ahmad No;17424)*

Habibie dalam filem tersebut merupakan seorang yang sangat telus dalam setiap tutur kata dan tingkah lakunya. Beliau seorang pemimpin yang sentiasa tegas dalam menegakkan suatu kebenaran. Kebenaran yang ditegakkan oleh Habibie sangat benar berdasarkan apa yang digambarkan dalam filem tersebut. Kehadiran isterinya iaitu Ainun yang sentiasa membetulkan Habibie membuatkan Habibie terus menegakkan kebenaran di jalan yang lurus. Pada waktu ketika Habibie disogok jam tangan mewah, Habibie menolak dengan tegas kerana perkara tersebut adalah satu perkara yang tidak benar.

*“Tapi saya tidak bisa terima... kalau anda mahu mengikuti sesuatu, anda bisa mengajukan proposal. Kalau mahu mengikut projek, anda bisa ikut tender. That’s how it is, that’s the procedure!”*

(Habibie & Ainun, 2012, 1:00:55)

#### 4) Tabligh

Tabligh merupakan satu sifat terakhir bagi sifat wajib Rasulullah. Tabligh membawa maksud menyampaikan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016: 4178). Sifat tabligh yang ada pada Rasulullah adalah menyampaikan perintah Allah kepada yangtidak mengetahui atau memberi peringatan kepada ummah. Sabda Nabi S.A.W

*“Sampaikanlah kalian daripadaku walaupun sepotong ayat”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Habibie begitu bersemangat untuk mendidik anak bangsa Indonesia ketika ingin membina pesawat pertama Indonesia. Beliau menyampaikan ilmu dan mendidik anak bangsa Indonesia untuk menjadikan Indonesia sebagai negara yang berintelek. Kelebihan yang ada pada dirinya bukan membuatkan beliau semakin meninggi diri namun beliau menganggap bahawa kelebihan yang ada pada dirinya sebagai cara untuk beliau membangunkan Indonesia berdasarkan ilmu yang ada pada dirinya.

*Dalam bilik kuliah...*

*“Kita harus mengembangkan industri stratehis (strategik), itu penting. Pesawat terbang untuk menghubungkan pulau di Indonesia sebagai alat transportasi. Lalu kita juga membutuhkan kereta api untuk di darat. Kapal-kapal besar untuk perdagangan dan kontena menyalurkan barang-barang ke kepulauan. Ini semua merupakan buatan bangsa Indonesia. Kita manfaatkan mereka. Kita buka potensi mereka. Sebagai generasi muda meningkatkan kualitas hidup rakyat Indonesia.”*

(Habibie & Ainun, 2012, 0:48:15)

Sifat Wajib Rasulullah merupakan perkara yang didapati setelah menghayati watak Habibie yang sedikit sebanyak mengetengahkan konsep tersebut secara tersirat. Walaupun bukanlah mengikuti serratus peritus sifat tersebut namun kebenaran yang disampaikan bahawa watak Habibie mempunyai sifat-sifat yang baik sebagai pemimpin yang mengikut ajaran Islam dalam dirinya.

### b) Kebenaran Daripada Sudut Realiti

Realiti yang dipaparkan dalam filem *Habibie & Ainun* merupakan sebuah realiti yang berada di dunia sebenar. Filem ini mengetengahkan beberapa realiti yang berlaku pada seorang pemimpin yang berjiwa rakyat seperti Habibie. Beberapa konflik politik dalaman juga telah berlaku samaseperti yang berlaku dalam dunia politik sebenar. Oleh kerana filem ini merupakan adaptasi daripada memoir yang ditulis oleh Habibie sendiri, kesemua yang berlaku dalam filem tersebut adalah merupakan penceritaan semula apa yang berlaku dalam hidup Habibie itu sendiri. Jadi, realiti yang dipaparkan sememangnya tidak boleh disangkal lagi. Namun, kajian ini bukanlah untuk mengenalpasti realiti yang dipaparkan secara terang-terangan dalam filem tersebut tetapi kajian ini adalah untuk mencari realiti yang tersingkap secara tersirat melalui filem tersebut.

#### i) Amalan Yang Tidak Berintegriti

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, integriti merupakan sebuah amalan kejujuran atau memiliki moral yang tinggi (2016, 1536). Amalan integriti adalah amalan yang sangat diperlukan bagi seorang pemimpin bagi menjadikan sebuah negara yang telus, adil dan saksama. Kelemahan integriti membawa kepada kehancuran bagi sesuatu organisasi kerana amalan tersebut menghasilkan satu keputusan yang berat sebelah atau tidak telus. Oleh itu, kehadiran integriti dalam satu organisasi amat diperlukan bagi melicinkan satu sistem organisasi. Amalan yang tidak berintegriti adalah seperti merasuah dengan duit atau barang-barang mewah, penggunaan kabel dan sebagainya. Berdasarkan filem tersebut, walaupun Habibie adalah seorang yang berintegriti tinggi dan sangat telus tetapi orang yang berada di sekeliling beliau ingin mengambil kesempatan dengan bersikap tidak berintegriti untuk mendapatkan sesuatu daripada Habibie. Sudah tentu Habibie akan menolak dengan tegas kerana tujuan beliau hanyalah untuk membangunkan anak bangsa Indonesia bukan untuk mendapatkan pengiktirafan atau sebagainya.

*“Saya mendapatkan pesan daripada atasan saya dan kita sangat berharap bapak bisa bersinergi dengan kita.. kita memiliki badan, bukan badan pemerintahan semacam Lembaga masyarakat yang bisa mensupport program bapak.. bisa saya lihat blueprint anda?” .. Lalu Habibie menolak dengan baik.. “Pimpinan saya seorang pejuang dan dia sangat dekat dengan presiden, jadi hati-hati anda bicara”*

(*Habibie & Ainun*, 2012, 0:49:09)

Berdasarkan petikan daripada filem tersebut, dapat disimpulkan bahawa integriti merupakan perkara yang mendapat perhatian penonton. Walaupun sikap integriti yang dipamerkan oleh Habibie merupakan satu sikap yang dominan namun diselitkan beberapa elemen tidak integriti dalam filem tersebut bagi menampakkan realiti yang perlu dihadapi oleh seorang pemimpin iaitu amalan yang tidak berintegriti. Ramai pihak akan tertewas dengan suapan yang diberikan namun Habibie berjaya menanganinya dan membuatkan penonton tersentuh akan kepimpinan beliau. Hal ini menepati tahap estetika dalam konteks keindahan dalaman kerana realiti yang dipamerkan iaitu amalan yang tidak berintegriti dapat diatasi oleh watak Habibie.

#### **4.4 Kesimpulan**

Tuntasnya, konteks keindahan dalaman yang menjadi teras bagi analisis ini berjaya dikupas untuk dikaitkan dengan karya filem pilihan iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun*. Kedua-dua filem tersebut merupakan filem yang amat sesuai untuk dijadikan sebagai sandaran kerana elemen yang ada dalam filem tersebut seperti kebenaran daripada sudut agama Islam dan kebenaran daripada sudut realiti dapat dikenalpasti dan dianalisis bagi menghasilkan satu kajian yang kukuh. Berpegang kepada konsep estetika, kedua-dua filem tersebut menepati satu keindahan yang hakiki bagi kategori filem kerana ia sampai kepada hati penonton.

## Bab 5

### 5.1 PENGENALAN

Pada bab ini, terdapat tiga komponen penting bagi merumuskan kajian ini iaitu rumusan, cadangan dan penutup. Pengkaji akan merumuskan analisis yang telah dijalankan ke atas kajian ini yang bertajuk *Analisis Penulisan Skrip Dalam Filem Adaptasi Terpilih Berdasarkan Pendekatan Estetika Bersepadu*. Filem yang dipilih berdasarkan kajian ini adalah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun*. Filem yang berasal dari Indonesia tersebut dipilih kerana ia menepati kriteria-kriteria seperti penggunaan laras bahasa yang tinggi, banyak mesej dan sebagainya. Kajian ini memfokuskan kepada aspek estetika dan teori yang digunakan adalah Teori Estetika Bersepadu yang diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali.

### 5.2 RUMUSAN

Secara rumusannya, filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun* merupakan filem yang sesuai untuk dijadikan sebagai batasan bagi kajian ini. Hal ini kerana filem tersebut terkenal dengan pemaparan realiti kehidupan di dunia nyata. Walaupun filem tersebut dalam bahasa Indonesia, ia tidak menghalang pengkaji untuk meneruskan kajian ini kerana bahasa Indonesia adalah satubahasa yang mudah difahami kerana ia hampir sama dengan bahasa Melayu. Contoh persamaan antara bahasa Indonesia dan bahasa Melayu adalah dari segi peribahasa seperti “*Tak lapuk oleh hujan tak akan lekang oleh panas* (*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, 19:20). Persamaan tersebut sedikit sebanyak memudahkan pengkaji dalam menganalisis kajian ini. Selain itu, filem tersebut berjaya disusun dengan rapi oleh pengkaji dari segi pengenalpastian objektif kajian kerana filem tersebut dihasilkan dengan rapi dan tersusun oleh pengarahnya. Walaupun filem tersebut merupakan sebuah filem adaptasi daripada novel, namun apa yang dikaji adalah memfokuskan kepada sudut skrip dan plot filem tersebut. Hal ini membuatkan filem tersebut berjaya dikupas untuk dinanalis dalam kajian ini.

Aspek estetika yang diteliti dalam filem ini adalah merupakan aspek yang penting sepanjang kajian ini. Aspek estetika dapat dilihat dari sudut skrip filem tersebut itu sendiri. Skrip filem tersebut berjaya dikenalpasti oleh pengkaji untuk dianalisi satu persatu. Walaupun pengkaji agak kurang faham mengenai beberapa istilah dalam bahasa Indonesia namun ia berjaya diatasi dengan menggunakan kaedah carian di internet akan maksud bagi sesetengah istilah. Skrip filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dikenalpasti sebagai sebuah skrip yang mengandungi laras bahasa yang tinggi dan indah. Manakala skrip *Habibie &*

Ainun dapat dikenalpasti sebagai sebuah skrip yang berciri patriotik dan romantis. Ciri-ciri dalam kedua filem tersebut membuatkan aspek estetika dapat dikenalpasti dan dianalisis bagi menghasilkan satu kajian yang lengkap. Hal ini jelaslah bahawa sebuah skrip memainkan peranan yang sangat penting bagi menghasilkan sebuah filem yang menepati tahap estetika.

Teori Estetika Bersepadu dikupas satu persatu akan ciri-ciri yang terdapat di dalamnya untuk dijadikan sebagai tunjang bagi kajian ini. Teori Estetika Bersepadu mengetengahkan konsep Islam itu indah berdasarkan penciptaan Nabi Adam yang sempurna luaran dan dalaman. Terdapat dua bahagian penting yang dijadikan sebagai fokus kajian iaitu keindahan luaran dan keindahan dalaman. Objektif satu bagi kajian ini memfokuskan kepada keindahan luaran kerana objektif satu adalah mengenalpasti unsur-unsur estetika yang terdapat dalam filem adaptasi terpilih. Manakala objektif kedua memfokuskan kepada keindahan dalaman kerana objektif kedua adalah menganalisis hubungan antara skrip dan estetika dalam filem adaptasi terpilih. Pemilihan bahagian mengikut objektif adalah berdasarkan kesesuaian dan atas nasihat dan tunjuk ajar daripada pensyarah. Secara keseluruhannya, teori ini berjaya dianalisis oleh pengkaji bagi mencapai objektif bagi kajian ini.

### 5.3 CADANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam analisis bagi mengenalpasti estetika dalam filem *Teneggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun* dalam konteks teori estetika bersepadu, terdapat cadangan dalam menambah baik dan meningkatkan lagi skrip dan filem adaptasi khususnya di Malaysia. Cadangan ini melibatkan Malaysia kerana di Malaysia, terdapat kurangnya filem adaptasi yang dapat menarik minat penonton untuk menontonnya. Skrip dalam kebanyakan filem tempatan didapati masih lemah daripada pelbagai sudut hasil kajian lepas. Oleh itu, wajarlah bahawa cadangan dan solusi diperlukan bagi meningkatkan mutu filem adaptasi dan skrip filem tempatan.

#### a) Menumpukan terhadap penghasilan skrip yang bermutu

Skrip merupakan asas bagi sebuah filem. Kekuatan jalan cerita bagi sebuah filem adalah bergantung kepada kesempurnaan skrip tersebut. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh beberapa pengkaji menyatakan bahawa skrip filem tempatan masih berada dalam takuk yang lama iaitu masih berlegar dalam satu stereotaip yang sama dalam satu jangka masa yang lama. Skrip yang baik

sehaharusnya mempunyai unsur keindahan, kreatif, saspen dan jalan cerita yang menarik bagi memuaskan hati penonton yang sanggup membayar sejumlah wang bagi menonton filem tersebut. Penulis skrip juga memainkan peranan yang sangat besar bagi penghasilan sebuah skrip yang bermutu. Penulis skrip haruslah membuat kajian yang lebih mendalam jika ingin membuat sebuah filem dan mereka seharusnya berfikiran lebih kreatif dan berfikiran di luar kotak agar sebuah skrip tidak cliché dan membosankan.

### **b) Menghasilkan filem adaptasi yang sempurna**

Kebanyakan filem pada masa kini adalah filem biasa yang bukan adaptasi dari mana-mana buku atau novel. Konsep adaptasi pula hanya dikenakan terhadap drama berepisod sahaja kerana drama adaptasi menggunakan satu cerita yang ringan dan mudah. Sejak tahun kebelakangan ini, Malaysia hanya memiliki beberapa sahaja filem adaptasi seperti *Tombiruo: Penunggu Rimba* yang diterbitkan pada tahun 2017. Kini filem adaptasi daripada novel semakin berkurangan kerana tiada pihak porduksi yang berani mengambil risiko untuk mengadaptasikan sebuah novel dalam bentuk filem kerana ia melibatkan satu proses yang panjang. Proses penghasilan filem adaptasi hendaklah bertepatan dengan konsep adaptasi bagi sesebuah filem. Hal ini kerana adaptasi mempunyai beberapa tatacara yang betul untuk memulakan proses adaptasi tersebut. Penghasilan filem adaptasi yang sempurna dapat menarik minat penonton kerana filem adaptasi memiliki peminatnya yang tersendiri. Oleh itu, pihak produksi haruslah berani untuk menghasilkan sebuah filem adaptasi kerana filem adaptasi juga mampu mengaut keuntungan yang tinggi seperti *Tombiruo: Penunggu Rimba* yang berjaya mengaut keuntungan sebanyak RM 8 juta ringgit secara keseluruhan (Finas, 2017).

### **c) Estetika perlu dititikberatkan dalam sesebuah karya**

Estetika merupakan satu perkara yang membawa kesenangan dan ketenangan jiwa. Perkara tersebut merupakan perkara yang ingin dirasai oleh penonton semasa dan selepas menonton sesebuah filem. Filem yang menepati tahap estetika dapat memberikan kesan yang mendalam kepada penonton dan pengkritik filem. Hal ini demikian kerana jika sebuah filem tidak mempunyai unsur estetika di dalamnya, ia akan membuatkan penonton merasa bosan dan jelak akan filem tersebut. Pengkaji berharap agar lebih banyak lagi filem yang memenuhi tahap estetika yang tinggi pada masa akan datang.

#### 5.4 Penutup

Tuntasnya, kajian yang bertajuk '*Analisis Penulisan Skrip Dalam Filem Adaptasi Terpilih Berdasarkan Pendekatan Estetika Bersepadu*' memberikan satu pandangan baharu mengenai landskap arena filem adaptasi dan penulisan skrip di Malaysia. Kejayaan yang diraih oleh negara lain dalam filem adaptasi seharusnya dijadikan sebagai pemangkin semangat bagi pihak produksi di Malaysia untuk menghasilkan filem adaptasi. Kekuatan bagi sebuah filem adaptasi adalah terbentuk daripada unsur estetik yang ada dalam filem tersebut. Oleh itu, teori estetika bersepadu dijadikan sebagai pengukur bagi tahap estetika dalam sesebuah filem. Kritikan mengenai tahap estetika juga diharap sampai kepada pihak produksi filem agar menghasilkan sebuah filem yang mendahulukan aspek estetika dalam produk mereka. Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Habibie & Ainun* yang menjadi sandaran bagi kajian ini menepati tahap estetika berdasarkan teori estetika bersepadu setelah dianalisis dan dikenalpasti dalam kajian ini. Oleh itu, diharap semoga ada lagi sinar dalam penghasilan filem adaptasi di Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

Nursyamimi Harun & Rozalafri Johori (2018). Isu Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian. *Journal of Management and Muamalah*, 5(2), 43 - 54.

Dr Nor Hashimah Jalaluddin, & Dr Zaharani Ahmad. (2011). HALLYU DI MALAYSIA: KAJIAN SOSIOBUDAYA. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2).

Dagang, Narul Zatul Akmar. (2021). Aspek tema dalam penulisan skrip Soal Hati, Soalnya Siapa? dan Qaisy& Laila : kajian terhadap penulis skrip Habsah Hassan / Narul Zatul Akmar Dagang - UiTM Institutional Repository

MAZELAN MANAN. (2012). ASAS PENULISAN SKRIP 1 (PROPOSAL).

Wagiman, Nur Afifah. (2017). Projek penulisan skrip Kumang Tandangsari (2016): adaptasi ruang dari teks *A Tale Of Two Cities* (1994) ke skrip filem cereka UiTM Institutional Repository

Ummi, H., Binti, A., Hassan, J., Dakwah, D., & Pembangunan Insan. (2011). DRAMA DAKWAH DI MALAYSIA: KAJIAN TENTANG PROSES PENULISAN SKRIP.

Rozaimah, R., Ketua, P., Pengajian, B., Melayu, B., Melayu, K., Profesional, Akademi, P., Bahasa,U.,Teknologi, M.,& Shah,A.(n.d.).

Haapasalo, Jaana; Kiesiläinen, Kari; Niemi-Kiesiläinen, Johanna. 2000, *Todistajanpsy-kologia ja Todistajankuulustelu*, Helsinki: Lakimiesliiton kustannus, 2000, 270 sivua. ( from article *Documentary Film, Truth And Beyond on the problem of Documentary Film as Truth-Telling*, Anne Lill Rajala, 2017)

Casetti, Francesco. 1999, [Theories del cinema. English] *Theories of cinema: 1945- 1995 / Francesco Casetti ; translated by Francesca Chiostri and Elisabeth Gard Bartolini-Salimbeni with Thomas Kelso, Revised and updated by the author*, Austin: University of Texas Press, 368 pages.

Sarji, Asiah (1997), Kaedaan Dan Permasalahan Penulis & Penulisan Skrip, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dengan kerjasama Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abu Hassan, Ummi Hani (2011), Drama dakwah di Malaysia : kajian tentang proses penulisan skrip, (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Wiramanja A.Rahman A.Hanafiah (2006), PENULISAN SKRIP FILEM: KETAJAMAN PEMIKIRAN DAN BAKAT

Nor Hashimah dan Zaharani (2011), Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 27(2).

Rozalafri Johori, Nursyamimi Harun, & mohd daly daud. (2020). *Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian. Journal of Management and Muamalah* 5.2 (2015): 43-54.

Abdul Razak Haji Mohaideen dan Mohd Syuhaidi Abu Bakar (2018), Meneroka Permasalahan Tenaga Modal Insan dalam Industri Filem di Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Malaysia. " *Forum Komunikasi*. Vol. 13. No. 1. Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA, 2018.

Nursyamimi Harun, & Rozalafri Johori. (2020). *Isu Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian*. E-Journal Management and Muamalah.

Cartmell, D. (2011). *Pride and Prejudice and the adaptation genre. Journal of Adaptation in Film & Performance* 3.3 (2011): 227-243.

Cattrysse, P. (2014, January 13). *Descriptive Adaptation Studies. Epistemological and Methodological. Literature/Film Quarterly* 43.1 (2015): 77.

Severine Hubscher-Davidson. (2013, August). *Emotional Intelligence and Translation Studies: A New Bridge. " Meta: Journal des traducteurs/Meta: Translators' Journal* 58.2 (2013): 324-346.

Sugeng Riyadi (2014), Penggunaan Film Adaptasi Sebagai Medium Pengajian Sastra.

nazreen. (2020). *ADAPTASI TEKS HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA KE FILEM Mohd*

*Nazreen Md Salleh Yaapar.* Desmond & Hawkes (2006:50-51),

Fathin Ezaty Binti Md Sukri dan Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah (2020), Adaptasi Skrip Ke Pentas: Menunggu Lampu Hijau Karya Hatta Azad Khan ." *Jurnal Wacana Sarjana* 4.5 (2020): 1-11.

Siti Isnaniah (2015), Ketika Cinta Bertasbih: Transformasi Novel Ke Film. *Jurnal Kawistara*, 5(1).

Kaplický, M. (2011). *Aesthetics in the Philosophy of Alfred North Whitehead. Estetika: The European Journal of Aesthetics*, 48(2), 157-171

Azaha Ibrahim dan Abu Hassan Abdullah (2016), Estetika Rasa Dalam Filem Arahan Dan Lakon Oleh P.Ramlee: Analisis Terhadap Filem Penarek Becha (1955)

llah Yusof, Rahimin Affandi Abd Rahim, Nur Adina Abdul Kadir dan Nor Hayati Bt Md Dahlal (2010), Konsep Feminisme Islam Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. *Journal of Al-Tamaddun*, 5(1), 131-147.

## RUJUKAN INTERNET

BBC - Ethics - Forced Marriages: Introduction. (2014). Diakses pada 14

Januari 2022 di laman web

[https://www.bbc.co.uk/ethics/forcedmarriage/introduction\\_1.shtml](https://www.bbc.co.uk/ethics/forcedmarriage/introduction_1.shtml)

Merelli, A. (2020, March 5). *UN study finds 90% of men and women are biased against*

women. Quartz; Quartz. Diakses pada 14 Januari 2022 di laman web

<https://qz.com/1812802/un-study-finds-almost-90-of-men-and-women-are-biased-against-women/>

Gilbert K. Chesterton Quotes. (n.d.). BrainyQuote.com. Diakses pada 6 Februari, 2022, di

laman web BrainyQuote.com

[https://www.brainyquote.com/quotes/gilbert\\_k\\_chesterton\\_156967](https://www.brainyquote.com/quotes/gilbert_k_chesterton_156967)

Sejarah Agama Islam Lengkap - DalamIslam.com. (2016, 11 Ogos). Diakses pada 10 Januari

2022 di laman web <https://dalamislam.com/sejarah-islam/sejarah-agama-islam>